ڤليتا بروني
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
# PELITA BRUNEI
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"ORANG-orang yang melanggar perjanjian Allah selepas perjanjian itu diperteguhkan (diikrarkan) dan memutuskan apa yang diperintahkan oleh Allah supaya dihubungkan (silaturahim) dan mereka juga melakukan kerosakan di bumi, mereka itulah yang mendapat laknat dan bagi mereka seburuk-buruk tempat kediaman di akhirat (neraka)".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah ar-Rad, ayat 25.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.38 | SUBUH 4.48 | SYURUK 6.10 | DUHA 6.34 | ZUHUR 12.08 | ASAR 3.29 | MAGHRIB 6.03 | ISYAK 7.16
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 141 | 23 NOVEMBER 2022 / 1444 ربيع الأخير 28 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

*"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.*

**- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.**

# KOMUNITI PERNIAGAAN TERUS MAJU, MAINKAN PERANAN MAJUKAN NEGARA



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Brunei Shell Marketing Company Sdn. Bhd. berkenan mengurniakan penganugerahan kepada salah seorang penerima pada The Chairman's Awards 2022. - Foto : Masri Osman (*Lihat muka 3*).**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



**PUPUK minat pelajar bertutur bahasa Arab**
Muka 9



**IPE 02/2022 perkukuh komitmen, kerjasama Brunei - Australia**
Muka 16



RENCANA
**FESTIVAL Kiudang menyatupadukan masyarakat proaktif**
Muka 20

# Pelancaran ciri Indeks Kesihatan, Pemeriksaan Risiko dalam BruHealth

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**

**BERAKAS**, Isnin, 21 November. - Kementerian Kesihatan, hari ini melancarkan ciri Indeks Kesihatan dan ciri Pemeriksaan Risiko dalam aplikasi BruHealth.

Ciri Indeks Kesihatan ini merupakan satu inisiatif bagi menghasilkan markah kesihatan (*health score*) keseluruhan yang khusus bagi setiap individu berdasarkan beberapa parameter perubatan dan saringan faktor risiko kesihatan.

Saringan faktor risiko kesihatan adalah menggunakan soal selidik saringan yang disahkan (*validated screening questionnaire*) dan termasuk parameter berkaitan kesihatan mental, pemakanan, kegiatan fizikal dan penggunaan tembakau.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

>> Muka 4

# Retreat ADMM di Kerajaan Kemboja

**Siaran Akhbar : Kementerian Pertahanan**

**KEMBOJA**, Selasa, 22 November. - Retreat Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) telah berlangsung di Sokha Siem Reap Resort & Convention Center di Siem Reap, Kerajaan Kemboja.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Kerajaan Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Pichey Sena Tea Banh selaku Pengerusi ADMM Tahun 2022 telah mempengerusikan mesyuarat tersebut.

Retreat kali ini melibatkan Menteri-menteri Pertahanan ASEAN dan para wakil dengan pertukaran pandangan di bawah tema 'Kerjasama Pertahanan untuk Mengukuhkan Perpaduan bagi Keselamatan Harmoni'.

>> Muka 4

# Teroka kerjasama memacu hasil kesihatan lebih baik

**Oleh : Marlinawaty Hussin**

**JERUDONG**, Selasa, 22 November. - Persidangan Kesihatan Awam Digital ASEAN merupakan forum bagi pemimpin serantau dalam penjagaan kesihatan dan kewangan berhimpun untuk belajar di antara satu sama lain, mencetuskan idea serta meneroka kerjasama, dengan objektif untuk memacu hasil kesihatan yang lebih baik bagi rakyat.

Kebanyakan negara ASEAN berusaha mencari jalan untuk memperbaiki sistem penjagaan kesihatan mereka untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan tahap tinggi dan lebih peribadi kepada rakyat melalui kaedah yang mampan serta mengurangkan kos, di mana teknologi akan menjadi faktor utama untuk merealisasikan senario ideal berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menjelaskan perkara itu semasa berucap pada Majlis Pembukaan Persidangan Kesihatan Awam Digital ASEAN Kali Kedua, yang berlangsung di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei.

>> Muka 6

## STATUS COVID-19
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Maklumat setakat 22 NOVEMBER 2022

| | |
|---|---|
| 78.8% | 3 dos vaksin COVID-19 penduduk umum |
| 62.0% | 3 dos vaksin COVID-19 remaja berumur 12-17 tahun |
| 86.6% | 2 dos vaksin COVID-19 kanak-kanak berumur 5-11 tahun |
| 630 | Jumlah kes sembuh 24 jam lalu |
| 248,518 | Jumlah kes yang sembuh |

Ministry of Health, Brunei Darussalam | mohbrunei | www.moh.gov.bn

PELITA BRUNEI

# Memperkukuh kesiapsiagaan terhadap pandemik, isu kesihatan masa depan



**MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berucap semasa perasmian Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Asia Tenggara Kali Ke-19, berlangsung di Hotel Wafa, Beribi, pada Khamis, 6 Oktober 2022.**

**Terjemahan oleh :**
**Haji Mirazman Haji Othman**

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Pagi**

**SAYA** berbesar hati mengalu-alukan wakil daripada 10 Pertubuhan Kebangsaan Negara Anggota ASEAN, wakil dari Timor Leste serta pegawai dari Persekutuan Antarabangsa Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah (IFRC) dan Jawatankuasa Palang Merah Antarabangsa (ICRC) ke Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Asia Tenggara Kali Ke-19 yang dihoskan oleh Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam yang saya percaya merupakan Mesyuarat Pemimpin secara peribadi pertama selepas dua tahun pandemik global COVID-19.

Selama lebih dua tahun, kita semua telah melihat bagaimana wabak COVID-19 telah menjejaskan berjuta-juta orang di seluruh dunia. Dan semasa kita berjuang dengan wabak ini, kita juga melihat berlakunya cabaran besar lain seperti wabak penyakit, konflik dan fenomena cuaca ekstrem. Tahun ini sahaja, kita telah melihat beberapa siri bencana berkaitan cuaca yang dahsyat di pelbagai bahagian dunia. Berjuta-juta orang telah kehilangan tempat tinggal, mata pencarian dan orang tersayang, tidak terkecuali negara-negara Asia Tenggara. Beberapa negara di rantau ini adalah antara yang paling teruk terjejas.

Walaupun krisis ini memberi kesan kepada semua orang, yang paling terkesan adalah golongan yang mudah terdedah. Oleh itu, melindungi kumpulan yang terdedah ini adalah objektif yang penting. Struktur dan prosedur yang lebih berkesan amatlah diperlukan. Kita perlu menyesuaikan dan mengukuhkan usaha kita untuk menangani risiko, bertindak balas dengan lebih baik kepada krisis serta memudahkan bantuan kemanusiaan dengan berkesan untuk pemulihan yang mampan dalam landskap yang sentiasa berubah ini, terutamanya kepada mereka yang dibebani dalam konflik dan sudah menghadapi kapasiti dan sistem yang terhad.

Inilah sebabnya kita berada di sini. Mesyuarat ini menghimpunkan Pemimpin Palang Merah dan Bulan Sabit Merah dari Asia Tenggara, IFRC dan ICRC untuk membincangkan dan memutuskan isu-isu yang menarik minat Pergerakan dalam Pertubuhan Kebangsaan Asia Tenggara. Ia adalah peluang yang sangat baik untuk berkongsi pengalaman dalam menangani krisis seperti pandemik COVID-19, dan mengukuhkan hubungan dalam kalangan Persatuan Kebangsaan untuk bekerjasama dalam memperkukuh kesiapsiagaan dan tindak balas terhadap pandemik dan isu kesihatan masa depan di rantau ini. Saya dimaklumkan bahawa pertemuan tahun ini juga menandakan penglibatan belia pertama melalui Sesi Dialog Khas bersama pemimpin untuk membincangkan cabaran yang dihadapi generasi muda, dan mengenai pasti jurang kepimpinan serta penyelesaian untuk pemimpin masa depan.

Selain itu, saya telah difahamkan bahawa salah satu agenda tahun ini adalah untuk mewujudkan Rangkaian Pertolongan Cemas dan Kesiapsiagaan Pandemik Asia Tenggara dan menyatupadukan dan menyelaraskan Modul dan Sukatan Pelajaran Pertolongan Cemas, pada masa yang sama mewujudkan pusat akreditasi dan pensijilan. Saya amat percaya bahawa dengan kerjasama, kita boleh mencapai hasil ini dan meningkatkan prestasi dan keberkesanan kerja Pergerakan.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan selamat berbincang kepada semua dan semoga mendapat hasil yang terbaik. Saya berharap mesyuarat ini akan berjaya dalam mencapai objektifnya, dan dalam mewujudkan langkah penting dan tindakan utama ke arah pembangunan dan penyelarasan tindakan kemanusiaan untuk menyokong masyarakat yang sihat, di mana-mana sahaja.

Terima kasih.

*Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Sekian.

**"SELAMA lebih dua tahun, kita semua telah melihat bagaimana wabak COVID-19 telah menjejaskan berjuta-juta orang di seluruh dunia. Dan semasa kita berjuang dengan wabak ini, kita juga melihat berlakunya cabaran besar lain seperti wabak penyakit, konflik dan fenomena cuaca ekstrem. Tahun ini sahaja, kita telah melihat beberapa siri bencana berkaitan cuaca yang dahsyat di pelbagai bahagian dunia. Berjuta-juta orang telah kehilangan tempat tinggal, mata pencarian dan orang tersayang, tidak terkecuali negara-negara Asia Tenggara. Beberapa negara di rantau ini adalah antara yang paling teruk terjejas.**
**"Walaupun krisis ini memberi kesan kepada semua orang, yang paling terkesan adalah golongan yang mudah terdedah. Oleh itu, melindungi kumpulan yang terdedah ini adalah objektif yang penting. Struktur dan prosedur yang lebih berkesan amatlah diperlukan. Kita perlu menyesuaikan dan mengukuhkan usaha kita untuk menangani risiko, bertindak balas dengan lebih baik kepada krisis serta memudahkan bantuan kemanusiaan dengan berkesan untuk pemulihan yang mampan dalam landskap yang sentiasa berubah ini, terutamanya kepada mereka yang dibebani dalam konflik dan sudah menghadapi kapasiti dan sistem yang terhad".**

## WAKTU SEMBAHYANG

| NOVEMBER MASIHI | HARI | RABIULAKHIR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 23 | RABU | 28 | 4.38 | 4.48 | 6.10 | 6.34 | 12.08 | 3.29 | 6.03 | 7.16 |
| 24 | KHAMIS | 29 | 4.39 | 4.49 | 6.11 | 6.34 | 12.08 | 3.30 | 6.03 | 7.16 |
| 25 | JUMAAT | 1 JAMADILAWAL | 4.39 | 4.49 | 6.11 | 6.35 | 12.08 | 3.30 | 6.03 | 7.17 |
| 26 | SABTU | 2 | 4.39 | 4.49 | 6.11 | 6.35 | 12.08 | 3.30 | 6.03 | 7.17 |
| 27 | AHAD | 3 | 4.39 | 4.49 | 6.12 | 6.36 | 12.09 | 3.31 | 6.04 | 7.17 |
| 28 | ISNIN | 4 | 4.40 | 4.50 | 6.12 | 6.36 | 12.09 | 3.31 | 6.04 | 7.18 |
| 29 | SELASA | 5 | 4.40 | 4.50 | 6.12 | 6.36 | 12.09 | 3.31 | 6.04 | 7.18 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 31 25 °C | 33 26 °C | 32 25 °C |
| Pekan Bangar | 31 25 °C | 33 26 °C | 32 25 °C |
| Pekan Tutong | 31 25 °C | 33 25 °C | 32 25 °C |
| Kuala Belait | 31 25 °C | 33 25 °C | 32 25 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 23 NOVEMBER 2022

# Pemanduan berhemah, jalan raya kepunyaan bersama

**SARANAN**-saranan supaya berhati-hati ketika memandu, berhemah, sentiasa mematuhi arahan-arahan lampu isyarat, bertolak ansur serta bertimbang rasa sesama pengguna di jalan raya sering kali didengar terutama sekali setelah berlaku kemalangan yang melibatkan harta benda atau nyawa.

Apa yang menghairankan, walau sebanyak mana iklan dan kempen kesedaran keselamatan jalan raya dilaksanakan namun masih juga terdapat segelintir pemandu yang enggan mematuhi peraturan jalan raya. Iklan-iklan serta kempen-kempen yang dijalankan oleh pihak kerajaan sepatutnya membuka mata para pengguna jalan untuk memastikan jalan raya yang selamat untuk digunakan tetapi masih ada lagi yang belum menyedarinya. Keselamatan di jalan raya menjadi satu perkara yang sukar ditangani walaupun kerajaan telah bertindak secara proaktif dengan beberapa peraturan dan undang-undang jalan raya.

Di samping itu, setiap pengguna jalan raya yang berhemah perlu mengamalkan nilai hormat, bertanggungjawab, toleransi sesama pengguna. Kita hendaklah sentiasa mengamalkan sifat hormat-menghormati dan bertolak ansur ketika berada di jalan raya. Berhati-hatilah, jangan disebabkan oleh kelalaian dan kesibukan kita akan membawa padah kepada diri sendiri mahupun kepada orang lain apatah lagi hingga menyebabkan kehilangan nyawa. Amalkan pemanduan berhemah agar jalan raya merupakan tempat selamat dan selesa untuk digunakan untuk semua pengguna.

Sikap berhemah dengan pemandu lain adalah penting dan perlu dilakukan setiap masa. Jangan bersikap jaguh di jalan raya atau *road bully*. Sikap seperti ini sangat dikesali, ia bukan sikap *kitani* orang Brunei. Mereka ini selain bertindak kurang ajar, juga sangat agresif sehingga membahayakan nyawa orang lain tanpa mengira mangsa, usia dan jantina. Mereka ini harus dikenakan hukuman agar sedar bahawa jalan raya bukan tempat menunjuk kejaguhan.

Di negara kita, Sambutan Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia 2022 disambut dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai, tazkirah serta bacaan Zikir Taubat. Alhamdulillah sebagai sebuah Negara Zikir, negara kita sentiasa mengadakan acara-acara dalam bentuk keagamaan lebih-lebih lagi dalam memperingati mangsa-mangsa korban jalan raya.

Selain itu kita dianjurkan membaca doa keselamatan dan perlindungan dari segala bahaya dan bala bencana, dan memohon perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dari sebarang bahaya dan kejahatan manusia, jin dan syaitan.

Ketika menaiki kenderaan hendaklah membiasakan diri membaca doa :

*"Maha suci Allah yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami sedang kami sebelum ini tidak berdaya menguasainya. Dan sesungguhnya kami tentu akan kembali kepada Tuhan kami".*

Ingatlah, keselamatan di jalan raya tanggungjawab bersama, jadilah pemandu berhemah agar setiap perjalanan kita akan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua. **- Ketua Penyuntingan (Ri)**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنرڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نݢارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Komuniti perniagaan terus maju, mainkan peranan majukan negara




**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Brunei Shell Marketing Company Sdn. Bhd. (BSM) dijunjung bagi sesi bergambar ramai pada The Chairman's Awards 2022.**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Masri Osman**

**JERUDONG**, Isnin, 21 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Brunei Shell Marketing Company Sdn. Bhd. (BSM) berkenan mengurniakan penganugerahan kepada sembilan kategori pada The Chairman's Awards 2022.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei dijunjung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Majlis dimulakan dengan Doa Selamat yang dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, diikuti dengan sembah alu-aluan daripada Pengarah Urusan BSM, Awang Muhammad Norshafiee bin Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

Dalam sembah alu-aluannya antara lain menyembahkan, BSM begitu teruja untuk memperkenalkan The Chairman's Award yang dikhususkan bagi rakan kongsi bagi meraikan dan mengiktiraf kecemerlangan dan prestasi.

Menurutnya, anugerah tersebut bertujuan untuk memupuk kerjasama, menggalakkan dialog, dan memacu keterujaan dalam kalangan peneraju (*players*) dalam ekosistem BSM dan pihaknya juga melahirkan penghargaan kepada para pelanggan dan negara dengan menyediakan produk terkini dan pengalaman pelanggan.

Selain itu, pihak BSM juga mengetengahkan beberapa kategori untuk mengiktiraf prestasi utama yang penting kepada perniagaan runcit dan komersial seperti HSSE, jualan dan operasi. Bidang-bidang tersebut merupakan asas kepada industri yang telah diceburi.

Selain itu, tambahnya, BSM juga mempunyai beberapa kategori lain yang melihat kecemerlangan dalam bidang seperti pemasaran, Tanggungjawab Sosial Korporat dan perkhidmatan pelanggan.

Terdahulu, Awang Muhammad Norshafiee menyatakan, dua tahun kebelakangan ini merupakan masa yang agak mencabar bagi negara namun dengan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta pihak kerajaan dan orang ramai amnya telah bekerja tanpa mengenal penat lelah untuk mengharungi pandemik dan menyertai banyak negara dalam menuju ke arah pemulihan dalam tempoh endemik baik dari segi sosial mahupun ekonomi.

Jelasnya, walaupun menghadapi cabaran, komuniti perniagaan di negara ini terus maju sambil memainkan peranan mereka dalam memajukan negara.

Seterusnya, Majlis Penganugerahan yang mana mengumumkan Best LPG Operational Excellence diberikan kepada Muara Gas Company, manakala Stesen Minyak Pekan Muara dianugerahkan sebagai Most Improved Retail Operational Performance.

Sementara Anugerah Best Retail Operational Excellence ialah Stesen Minyak Cahaya Perusahaan Pakatan Tutong dan Dayang Nor Azimah binti Haji Ibrahim dari Stesen Minyak Shahryza Bunut dianugerahkan sebagai Best Retail Service Champion.

TK Asco Enterprise mendapat Milestone Award, NBT Brunei Sendirian Berhad diberikan Anugerah Highest Lubricant Business Growth dan Best Corporate Social Responsibility.

Sementara Boustead Sendirian Berhad pula diberikan Anugerah Best Operational Excellence dan Best Marketing Campaign.

Pada majlis tersebut juga, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesambah dan seterusnya dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama para penerima anugerah.

Juga hadir, Timbalan Menteri serta Lembaga-lembaga Pengarah BSM dan juga rakan kongsi perniagaan BSM.











**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat dan seterusnya mengurniakan penganugerahan kepada penerima (atas dan atas kanan). Manakala gambar atas kanan tengah, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesambah. Sementara gambar kanan dan kanan sekali, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, diikuti dengan sembah alu-aluan daripada Pengarah Urusan BSM, Awang Muhammad Norshafiee bin Dato Paduka Haji Abdul Jalil.**

# RETREAT ADMM DI KERAJAAN KEMBOJA

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan**

**>> Muka 1**

Mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam ke Retreat ADMM ini ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Yang Berhormat Menteri di JPM disertai oleh Setiausaha Tetap (Dasar, Kewangan dan Pentadbiran), Kolonel (B) Norsuriati binti Haji Sharbini sebagai Ketua ASEAN Defence Senior Officials' Meeting (ADSOM) Negara Brunei Darussalam dan pegawai lain dari Kementerian Pertahanan.

Dua mesyuarat tidak rasmi turut diadakan di samping Retreat ADMM. Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri Pertahanan ASEAN-Amerika Syarikat telah berlangsung yang mana telah dipengerusikan bersama oleh Tuan Yang Terutama Samdech Pichey Sena Tea Banh dan Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat, Yang Berhormat Lloyd J. Austin III.

Ini diikuti oleh Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri Pertahanan ASEAN-India dan dipengerusikan bersama oleh TYT Samdech Pichey Sena Tea Banh dan Menteri Kesatuan, Kementerian Pertahanan India, TYT Shri Rajnath Singh.

Mesyuarat dua hala juga diadakan antara Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Kemboja. Momentum permesyuaratan akan diteruskan esok dengan pelaksanaan Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN Plus Ke-9 (ADMM-Plus).




**PARA Menteri Pertahanan ASEAN dan wakil-wakil, serta Tuan Yang Terutama Setiausaha Agung ASEAN semasa sesi bergambar ramai pada Retreat Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN (ADMM), yang berlangsung di Sokha Siem Reap Resort & Convention Center, Siem Reap, Kerajaan Kemboja pada 22 November 2022.**

# COVID-19 : 702 kes baharu dilaporkan

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BERAKAS**, Isnin, 21 November. - Jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam menunjukkan sedikit peningkatan dalam masa satu minggu kebelakangan ini, di mana kadar purata harian kes pada minggu lepas ialah 649 kes sehari, berbanding dengan 611 kes sehari pada minggu sebelumnya.

Sebanyak 54,880 keputusan Ujian Pantas Antigen (ART) telah dimuat naik ke aplikasi BruHealth dalam masa satu minggu di mana 8.2 peratus daripadanya adalah keputusan ART yang positif.

Sementara itu, pada hari ini, tiga kes di dalam Kategori 5 iaitu yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) manakala dua kes berada di dalam Kategori 4 iaitu yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar mengongsikan kenyataan tersebut pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Sehingga kelmarin, 20 November 2022, jelas Yang Berhormat, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan 78.8 peratus daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan 11.1 peratus juga telah mendapatkan dos keempat.

"Dalam masa 24 jam yang lalu, satu kes COVID-19 telah meninggal dunia di mana kes tersebut tidak dikategorikan sebagai kematian disebabkan COVID-19. Di kesempatan ini, saya mewakili warga Kementerian Kesihatan dan keseluruhan rakyat Negara Brunei Darussalam mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama para solihin," ujar Yang Berhormat.

Pada hari ini, tambah Yang Berhormat lagi, sebanyak 702 kes baharu telah dilaporkan iaitu 693 kes hasil ART dan sembilan kes adalah hasil dari 91 Ujian Makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.

"Sementara itu, trend kes Influenza dan jangkitan serupa Influenza (Influenza-like Ilness - ILI) pada minggu lalu terus menunjukkan penurunan. Orang ramai adalah diingatkan untuk terus berwaspada dan mengambil langkah-langkah pencegahan seperti mengasingkan diri jika mengalami tanda-tanda jangkitan dan mengelakkan dari tempat-tempat yang penuh sesak.

"Segera berjumpa doktor jika tanda-tanda jangkitan berterusan atau semakin teruk. Dapatkan suntikan Influenza, khususnya bagi mereka yang berumur 60 tahun ke atas dan mereka yang mempunyai masalah-masalah kesihatan," tegas Yang Berhormat Menteri Kesihatan.




**YANG Berhormat Menteri Kesihatan berucap pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.**

# COVID-19 : 630 kes disahkan sembuh

**Oleh : Khartini Hamir**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 22 November. - Sebanyak satu kes dicatatkan berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Manakala dua kes dicatatkan hari ini berada di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, sebanyak 630 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat menjadi 248,518.

Bagi Program Vaksinasi pula setakat hari ini, sebanyak 86.6 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 62.0 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Manakala sebanyak 78.8 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 11.2 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.

# Pelancaran ciri Indeks Kesihatan, Pemeriksaan Risiko dalam BruHealth

**>> Muka 1**

"Adalah diharap, ciri baru ini akan dapat membantu orang ramai untuk lebih peka mengenai faktor-faktor risiko gaya hidup yang boleh menyumbang kepada penyakit tidak berjangkit dan gangguan kesihatan mental dan oleh itu, menggalakkan orang ramai untuk mengambil langkah-langkah awal bagi menangani masalah-masalah tersebut," terang Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat berkata, khusus bagi ciri Indeks Kesihatan, satu *pilot study* akan bermula pada hari ini dan akan berjalan selama sebulan.

Kajian ini tambah Yang Berhormat, akan melibatkan 120 individu yang akan menerima notifikasi jemputan melalui aplikasi BruHealth masing-masing bagi menyertai kajian ini.

"Mereka yang menerima notifikasi jemputan ini adalah sangat-sangat dialu-alukan untuk melengkapkan Indeks Kesihatan di dalam aplikasi BruHealth bagi membolehkan Kementerian Kesihatan menilai ciri baharu ini. Dari sini nanti, ciri ini akan diperbaiki dan dikemas kini sebelum dilancarkan sepenuhnya untuk kegunaan orang ramai," ujar Yang Berhormat.

Sementara itu, terang Yang Berhormat, ciri Pemeriksaan Risiko yang dilancarkan pada hari ini di dalam aplikasi BruHealth adalah bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk membuat penilaian risiko penyakit tertentu dan membuat perjanjian untuk menyertai Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan (PPKK) yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan.

# 4.95 JUTA KEMATIAN DILAPORKAN BERKAITAN AMR

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan**



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan dalam perutusan bersempena Sambutan Minggu Kesedaran Antimikrob Sedunia 2022.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 21 November. - Rintangan Antimikrob (Antimicrobial Resistance - AMR) adalah proses semula jadi dalam mikrob atau kuman termasuk bakteria, mikobteria (*mycobacteria*), virus, kulat dan parasit yang mengakibatkan kehilangan keberkesanan rawatan antimikrob yang digunakan untuk merawat pelbagai jangkitan mikrob.

Walau bagaimanapun, proses AMR semula jadi ini semakin dipercepatkan dan menjadi lebih sukar untuk ditangani disebabkan oleh kesan daripada pelbagai aktiviti manusia, yang tidak wajarnya terjadi, di beberapa sektor seperti sektor kesihatan manusia, kesihatan haiwan dan tumbuhan serta alam sekitar.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan bersempena Sambutan Minggu Kesedaran Antimikrob Sedunia 2022 pada 18 hingga 24 November 2022 dengan tema: 'Bersama Dalam Mencegah Rintangan Antimikrob' (Preventing Antimicrobial Resistance Together).

Aktiviti yang dimaksudkan terang Yang Berhormat adalah termasuk penggunaan ubat antimikrob yang tidak bersesuaian, tidak terkawal dan berlebihan; langkah pencegahan dan kawalan jangkitan yang tidak mencukupi; pelbagai amalan pertanian dan pemprosesan makanan yang kurang berkualiti; dan pengurusan kumbahan atau *sewage* dan sisa yang tidak mencukupi.

Yang Berhormat seterusnya berkata bahawa kesan daripada penularan AMR berkenaan bermakna bakteria, kulat dan parasit tidak lagi mampu dirawat secara berkesan sepenuhnya oleh ubat antimikrob yang sedia ada pada masa ini.

Ini tambah Yang Berhormat sudah jelas dilihat di dalam sistem kesihatan dengan jangkitan disebabkan oleh *drug-resistant infections* adalah semakin sukar untuk dirawat, dan jika pun boleh dirawat, memerlukan ubat antimikrob jenis *broad spectrum* yang lebih berharga.

"Fenomenon ini juga mengakibatkan pesakit untuk bertahan di hospital bagi tempoh yang lebih lama dan juga mengakibatkan kemerosotan kesihatan pesakit yang lebih teruk secara keseluruhan.

"Golongan pesakit tertentu yang mudah terdedah kepada jangkitan, seperti mereka yang mempunyai sistem imuniti yang lemah akibat penyakit atau rawatan seperti kemoterapi bagi penyakit kanser mempunyai risiko lebih tinggi untuk mendapatkan jangkitan yang kebal menentang ubat (*drug-resistant infections*)," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut mengatakan bahawa prosedur perubatan seperti pembedahan, pemindahan organ dan kemoterapi boleh menjadi lebih berisiko disebabkan oleh jangkitan AMR.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) jelas Yang Berhormat, AMR telah menjadi sebagai salah satu daripada 10 ancaman kesihatan global.

Seramai 4.95 juta kematian dianggarkan berkaitan dengan AMR pada tahun 2019.

"Perkara ini sememangnya memerlukan tindakan segera oleh semua lapisan masyarakat termasuk pemimpin global, penggubal dasar dan sebagainya.

"Oleh yang demikian, pada tahun ini, kita meraikan Sambutan Minggu Kesedaran Antimikrob Sedunia (WAAW) dengan tema 'Bersama Dalam Mencegah Rintangan Antimikrob'.

"Tema sambutan pada tahun ini menyahut seruan global untuk sama-sama bertanggungjawab untuk menangani antimikrob," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata bahawa pihak WHO juga telah menyokong pelbagai strategi penggalakan penggunaan antimikrobial secara berhemah serta memperkukuhkan langkah pencegahan untuk menangani AMR melalui kerjasama secara kolaboratif melalui pendekatan secara holistik dan *multi-pronged approach* yang dikenali sebagai One Health Approach.

Sebagai individu tegas Yang Berhormat, masing-masing mempunyai peranan untuk memastikan sebarang rawatan antimikrob yang diambil hendaklah atas nasihat doktor dan mengikut arahan yang telah diberikan.

Yang Berhormat mengingatkan orang ramai agar mengambil peranan aktif dalam kawalan dan pencegahan jangkitan termasuk mengelakkan atau mengehadkan keluar rumah jika mempunyai simptom seperti selesema; membersihkan tangan dengan kerap; mengutamakan kebersihan semasa penyediaan dan pengambilan makanan dan minuman; dan mendapatkan vaksinasi bagi jangkitan tertentu, mengikut keadaan perubatan apabila diperlukan.

Sementara itu terang Yang Berhormat, mereka yang bekerja di sektor kesihatan juga mempunyai peranan signifikan kerana usaha dalam melawan AMR ini boleh ditingkatkan lagi dengan pembarigaan pengetahuan kesihatan (*health literacy*) sesama profesional kesihatan dan juga orang awam mengenai perbezaan pelbagai jenis jangkitan dan bila ubat antimikrob boleh digunakan.

Selain itu tambah Yang Berhormat, pelbagai langkah pencegahan jangkitan juga perlu diamalkan ketika merawat pesakit terutamanya pesakit yang telah dijangkiti kuman yang mempunyai rintangan kepada antimikrob (*drug-resistant microorganisms*).

"Pengawalan penggunaan antimikrob (antimicrobial stewardship) yang baik juga perlu diamalkan bagi mencegah penggunaan antimikrob tidak berhemah.

"Ini termasuk amalan preskripsi antibiotik yang baik seperti meneliti semula penggunaan antimikrob dan merujuk kepada garis panduan yang telah ditetapkan," terang Yang Berhormat.

AMR kata Yang Berhormat merupakan ancaman global yang serius terhadap rawatan jangkitan mikrob yang berkesan.

Penyelesaian masalah AMR ini jelas Yang Berhormat tidak lagi bergantung kepada penghasilan antimikrob yang baharu sebagai strategi utama, akan tetapi ia memerlukan tindakan pencegahan secara kolektif yang perlu dilakukan bersama mulai sekarang.

"Ini akan membantu memastikan rawatan antimikrob akan masih dapat digunakan dengan berkesan di masa hadapan, serta mengurangkan kesan dan beban jangkitan, khususnya jangkitan yang mempunyai ciri AMR.

"Dengan itu, bersama-samalah kita mencegah AMR demi masa depan kita," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.

# NBD terima 7,200 dos Vaksin Moderna

**Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan**

**BERAKAS**, Isnin, 21 November. - Negara Brunei Darussalam telah menerima bekalan Vaksin Moderna (Spikevax Bivalent Original/Omicron) sebanyak 7,200 dos pada 20 November 2022 dan bekalan seterusnya dijangka akan tiba pada 25 dan 27 November 2022 ini nanti.

Menurut Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Vaksin Bivalent ini digunakan sebagai dos penggalak bagi orang dewasa yang berumur 18 tahun ke atas dan telah mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Kawalan Ubat Negara Brunei Darussalam untuk digunakan di negara ini.

Pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini, Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengongsikan, penggunaan Vaksin Bivalent ini juga telah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa kawalan ubat dari beberapa negara lain seperti United Kingdom, Australia, Kanada, Singapura dan Kesatuan Eropah.

"Orang ramai yang ingin mendapatkan dos penggalak sama ada sebagai dos ketiga atau dos keempat boleh menempah slot vaksinasi di Pusat-pusat Kesihatan yang berdekatan melalui aplikasi BruHealth," jelas Yang Berhormat.

# Penyalahgunaan nama, logo, gambaran BDCB akan didenda

**Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 22 November. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) baru-baru ini telah mendapati beberapa individu yang menyamar kononnya ada kaitan dengan pihak BDCB dan seterusnya menyalahgunakan nama dan logo BDCB dalam menjalankan transaksi perniagaan pembelian mata wang lama.

Pihak BDCB ingin menekankan bahawa sesiapa yang menggunakan nama, simbol, reka bentuk atau gambaran BDCB tanpa kebenaran bertulis atau menggunakan nama, simbol reka bentuk atau gambaran BDCB yang serupa atau menyerupai nama, simbol, reka bentuk atau gambar BDCB yang bertujuan sama ada untuk memperdaya, menipu, menyebabkan kekeliruan atau berkemungkinan untuk memperdaya, menipu atau menyebabkan kekeliruan adalah merupakan kesalahan di bawah Bab 74A Perintah BDCB, 2010, dan jika sabit kesalahan, boleh dihukum denda tidak melebihi BND20,000, penjara tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya sekali.

Orang ramai dinasihatkan untuk berwaspada apabila menerima mana-mana mesej memohon pembayaran atau butiran peribadi, yang seolah-olahnya datang daripada BDCB, dengan menggunakan nama, simbol, reka bentuk atau gambaran BDCB. Jika menerima mesej dari BDCB yang disyaki palsu, orang ramai bolehlah menghubungi BDCB melalui talian +673 8318388 atau melalui e-mel *info@bdcb.gov.bn*.



# Bincang, rancang usaha penjagaan kesihatan serantau





YANG Berhormat Menteri Kesihatan menyertai Panel Kementerian Kesihatan, membincangkan mengenai pengajaran yang diperoleh dari pandemik tersebut, bagi membina masa hadapan yang berdaya tahan dan hadir bersama Yang Berhormat pada Majlis Pembukaan Persidangan Kesihatan Awam Digital ASEAN Kali Kedua, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (kiri dan kanan).

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**JERUDONG,** Selasa, 22 November. - Pemimpin-pemimpin kewangan serta kesihatan ASEAN mengadakan perbincangan bagi merancang usaha untuk penjagaan kesihatan rantau ASEAN, terutama dalam mempercepatkan penggunaan teknologi bagi kesiapsiagaan pandemik masa hadapan dan memperluaskan penggunaan kes-kes kesihatan awam digital.

Persidangan tersebut memfokuskan pada usaha, dalam memanfaatkan pelaburan-pelaburan penjagaan kesihatan semasa pandemik bagi kebaikan masa hadapan, dari segi sistem penjagaan kesihatan yang lebih berdaya tahan, boleh diubah dan mampan ketika negara-negara di seluruh dunia kembali pada keadaan normal selepas penularan pandemik COVID-19.



KETUA Pegawai Eksekutif, EVYD Technology, Chua Ming Jie.

Perbincangan berkenaan merupakan pengisian Persidangan Kesihatan Awam Digital ASEAN Kali Kedua, yang berlangsung di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei, yang juga diadakan secara hibrid selama dua hari, bermula hari ini.

Hadir pada Majlis Pembukaan persidangan tersebut, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, menyampaikan ucapan alu-aluan pada majlis itu, disusuli dengan ucapan pembukaan, disampaikan oleh Setiausaha Agung ASEAN, Dato Paduka Lim Jock Hoi.

Pada Sesi Perbincangan Fireside, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, antara lain mengongsikan mengenai peningkatan dalam kos penjagaan kesihatan, penilaian keberkesanan serta pulangan pelaburan kesihatan, di samping inisiatif utama dalam pembiayaan penjagaan kesihatan yang lebih mampan.

Sementara itu, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyertai Panel Kementerian Kesihatan, membincangkan mengenai pengajaran yang diperoleh dari pandemik tersebut, bagi membina masa hadapan yang berdaya tahan.

Panel dihadiri oleh Setiausaha Negara bagi Kesihatan Kemboja, Dr. Lo Veasnakiry; Timbalan Menteri Kesihatan Indonesia, Profesor Dr. Dante Saksono; Menteri Kesihatan Lao PDR, Tuan Yang Terutama Dr. Bounfeng Phoummalaysith; Timbalan Menteri Kesihatan Myanmar, Dr. Aye Tun; Timbalan Setiausaha Kesihatan bagi Dasar Kesihatan dan Pembangunan Infrastruktur Filipina, Dr. Lilibeth C. David; dan Naib Menteri bagi Kesihatan Awam Thailand, Dr. Sopon Mekthon.

Persidangan mengetengahkan lebih 50 penceramah, termasuk Menteri-menteri Kewangan dan Kesihatan ASEAN, penggubal-penggubal dasar, pegawai-pegawai kesihatan awam, pakar-pakar pelbagai disiplin; serta pemimpin-pemimpin dari industri dan organisasi bukan kerajaan.

Mengambil pengajaran dari pandemik, persidangan pada tahun ini melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, bagi membincangkan mengenai manfaat, risiko dan cabaran berkaitan dengan penggunaan Kepintaran Tiruan (Artificial Intelligence - AI) serta teknologi digital dalam penjagaan kesihatan.

Tema persidangan pada tahun ini, 'Health and Healthcare Beyond COVID-19 : Building Forward Together' bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran mengenai keperluan bagi kerajaan-kerajaan dan industri untuk melabur serta bekerjasama bagi kesiapsiagaan juga pencegahan penyakit-penyakit berjangkit dan penyakit tidak berjangkit yang lebih baik.

Persidangan dihoskan bersama oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam.

Ia dianjurkan EVYD Technology dengan kerjasama Agensi Pelaburan Brunei (BIA) dan Universiti Kebangsaan Sekolah Kesihatan Awam Saw Swee Hock, Singapura, serta disokong Temasek Foundation.

Jabatan Pembangunan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Imagine Sendirian Berhad juga menyokong persidangan tersebut sebagai penaja.

Pendaftaran bagi persidangan tersebut masih dibukakan dengan melayari laman sesawang, *https://www.dphasean.org/.*

Manakala program persidangan boleh diperoleh, di *https://www.dphasean.org/conference-2022/conference-program-2022-day1/.*

# TEROKA KERJASAMA MEMACU HASIL KESIHATAN LEBIH BAIK



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ketika berucap.

**>> Muka 1**

Jelas Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam mengambil pendekatan holistik dan diselaraskan bagi memacu transformasi digital sistem penjagaan kesihatan.

Tambah Yang Berhormat, BruHealth pada mulanya dibangunkan sebagai alat pengurusan pandemik COVID-19, namun ia telah berkembang sebagai aplikasi pengurusan kesihatan dan individu bagi memperbaiki kesihatan rakyat.

Aplikasi ini boleh digunakan untuk menguruskan penyakit-penyakit berjangkit dan tidak berjangkit, di samping antara lain menyimpan rekod kesihatan peribadi serta menjadualkan konsultasi video dengan doktor, pakar diet atau perkhidmatan klinikal yang lain, selain mempromosikan kesihatan.

Terdahulu, Yang Berhormat berkata, ketika kita kembali ke dunia yang lebih normal selepas penularan COVID-19, adalah penting bagi mengkaji beberapa strategi dan langkah-langkah yang diambil semasa pandemik.

"Kita perlu mengambil kira apa yang berkesan dan apa yang boleh dilakukan dengan lebih baik, serta bagaimana kita dapat memanfaatkan pelaburan semasa era pandemik untuk memaksimumkan pulangan jangka panjang ke atas pelaburan.

"Hal ini, terutama berlaku dalam penjagaan kesihatan, yang telah mengambil banyak bahagian daripada kewangan kerajaan, dalam usaha memerangi pandemik," ujar Yang Berhormat.



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada Sesi Perbincangan Fireside.

# TINGKAT SEMANGAT KESATUAN, KESEDARAN HAK KESEJAHTERAAN KANAK-KANAK

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 21 November. - Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia disambut pada setiap tahun tanggal 20 November di seluruh dunia, termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD).

Ia adalah sebagai usaha yang berterusan ke arah komitmen negara yang telah meratifikasikan Konvensyen Hak Kanak-kanak (Convention on the Rights of the Children; CRC), serta meningkatkan lagi semangat kesatuan dan kesedaran mengenai hak-hak dan kesejahteraan kanak-kanak, dalam kalangan masyarakat.



**PEMANGKU Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Mirany Floridzah binti Abdul Rahman semasa berucap pada majlis tersebut.**

Sehubungan itu, acara kemuncak Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia Tahun 2022 berlangsung pagi tadi bertempat di Dewan Digadong, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong; para pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan, guru-guru serta wakil daripada Project Women Brunei, MyActionForSDGs dan Brucert.

Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Mirany Floridzah binti Abdul Rahman dalam ucapannya antara lain berkata, pada tahun ini merupakan sambutan kali ke-16 diadakan di NBD, dengan tema sambutan 'Masa Depan Yang Lebih Baik Untuk Setiap Kanak-kanak' atau 'A Better Future For Every Child' yang memfokuskan ke arah penglibatan kanak-kanak dengan bertujuan agar mereka dapat mempunyai visi dan matlamat yang lebih jelas, serta sedar akan pelbagainya haluan dan peluang yang mereka boleh terokai dan perolehi, untuk mencapai masa depan yang lebih baik.

Menurutnya lagi, pada tahun ini, bagi memeriahkan Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia, beberapa program telah pun disusun dengan gabungan tenaga serta sokongan kerjasama rakan-rakan strategik daripada pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Pendidikan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, pelbagai agensi seperti BruCERT, dan termasuklah badan-badan bukan kerajaan seperti Majlis Belia Brunei, Project Women Brunei dan MyActionForSDGs.



**SEBAHAGIAN persembahan dari Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.**

Bagi memastikan matlamat sambutan serta tema tercapai katanya, terutama untuk kanak-kanak, sesi bengkel yang merangkumi topik mengenai kemahiran hidup untuk kedayatahanan di masa hadapan, dan kepentingan kesihatan mental, telah disusun dan dikelolakan bersama dengan pemudah cara dan penyampai yang dijemput berdasarkan kepada latar belakang dan kepakaran mereka dalam pelbagai isu berkenaan.

"Adalah diharapkan perkongsian semasa bengkel itu nanti akan dapat membuka minda para penuntut mengenai kepentingan memiliki kemahiran hidup serta menjaga kesejahteraan mental agar sentiasa berdaya tahan dan tidak mudah mengalah di dalam dunia yang serba mencabar ini," ujarnya lagi.

Majlis turut dimeriahkan lagi dengan persembahan pantomim oleh para pelajar dari Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Persembahan berkenaan antara lain berhasrat untuk menyuntik semangat dalam kalangan kanak-kanak untuk menjadi insan yang lebih baik, dan juga memberikan gambaran mengenai kepentingan keteladanan ibu bapa sebagai pembimbing kepada anak-anak agar mempunyai masa depan yang lebih cerah serta menyedari kepentingan kesihatan mental.



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merasmikan Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia Tahun 2022 di Dewan Digadong, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.**

Acara juga diisikan dengan sesi bengkel, sesi kongsi dan refleksi yang disertai oleh seramai 50 orang penuntut daripada sekolah kerajaan Tahun 9 dan Tahun 10.

Selain bengkel yang diadakan pada hari ini, beberapa aktiviti lain juga telah diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia, iaitu Doa Kesyukuran sempena Hari Kanak-kanak Sedunia 2022; dan Doa Selamat Terhindar Daripada Wabak COVID-19 yang telah diadakan di sekolah-sekolah ugama di seluruh negara pada 19 November 2022.

Antara program dan aktiviti lain yang telah disusun hingga penghujung bulan November ialah taklimat pembarigaan mengenai Konvensyen Hak Kanak-Kanak kepada para penuntut sekolah menengah Tahun 7 hingga Tahun 10 yang akan diadakan pada 23 November 2022; program meraikan Hari Kanak-kanak di Yayasan Kanser Kanak-kanak (YASKA) dan Pusat Perkembangan Kanak-Kanak (Child Development Centre -CDC) pada 24 November 2022; Santai-santai Berkongsi bertajuk 'Appreciating Kindness' yang akan diadakan secara dalam talian pada 26 November 2022; dan aktiviti 'What Makes Me Feel Grateful' yang akan diadakan di Bandarku Ceria anjuran MyActionForSDGs pada 27 November 2022.

Sebagai usaha menyokong Hari Kanak-kanak Sedunia, Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS) akan dinyalakan dengan lampu berwarna biru sebagai lambang Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia bersempena dengan warna rasmi United Nations Children's Fund (UNICEF).

Penyalaan lampu Jambatan SHOAS bersempena Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia berkenaan akan diadakan pada 21 November 2022 bermula jam 7.00 malam hingga 5.00 pagi.

Orang ramai adalah dijemput untuk mengambil gambar suasana jambatan dan memuat naik ke dalam media sosial dengan menggunakan Hashtag *#UniversalChildrensDayBN* atau *#WorldChildrensDay.*

# Peluang sertai Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Quran

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 21 November. - Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku Urusetia Lembaga Tasmie' Menghafaz Al-Quran Negara Brunei Darussalam akan mengadakan Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Quran Kali Pertama Tahun 2023, bermula pada penghujung Januari 2023, yang dibukakan kepada Warganegara dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam sahaja.

Permohonan boleh dihadapkan secara dalam talian melalui pautan di Weblog dan Media Sosial Urus Setia iaitu di Facebook *Ujian Tasmie Menghafaz Al-Quran* atau *Urus Setia Ujian Tasmie' Hafaz Al-Quran Negara Brunei Darussalam* atau menerusi Instagram *PPPQ MABIMS (official).*

Permohonan Ujian Tasmie' telah dibuka mulai hari ini, Isnin, 26 Rabiulakhir 1444 Hijrah bersamaan 21 November 2022 Masihi.

Tarikh tutup permohonan pada Rabu, 6 Jamadilawal 1444H bersamaan 30 November 2022M. Untuk keterangan lebih lanjut sila hubungi Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS menerusi talian +673 2237512.



# Program Pertukaran Pemimpin Belia Republik Singapura - NBD tutup tirai




YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa berucap pada Majlis Penutup Program Pertukaran Pemimpin Belia Republik Singapura - Negara Brunei Darussalam (SBYLEP) Ke-8.

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 22 November. - Program Pertukaran Pemimpin Belia Republik Singapura - Negara Brunei Darussalam (SBYLEP) Ke-8 yang dikendalikan bersama oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Negara Brunei Darussalam dan National Youth Council (NYC) di bawah Kementerian Kebudayaan, Komuniti dan Belia, Republik Singapura dan dilaksanakan oleh Majlis Belia Brunei (MBB) selaku Rakan Strategik menutup tirainya hari ini.

Semasa Majlis Penutup SBYLEP Ke-8, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Haji Mohamad dalam ucapannya berkata, pemimpin muda perlu berdaya tahan, inovatif dan dapat menyesuaikan diri secara berterusan dan merebut peluang yang diberikan kepada mereka.

"Tema 'Membina daya tahan belia dalam era pasca pandemik' adalah tepat pada masanya kerana kita terus mengharungi kesan COVID-19 dalam Fasa Endemik, sambil meningkatkan usaha kita untuk membina daya tahan dalam kalangan belia kita, masyarakat dan ekonomi," tambah Yang Berhormat.

Seterusnya Yang Berhormat berkata, "Kelestarian dan Teknologi, Digital dan Ekonomi Kreatif adalah strategik kepada belia dan pembangunan mampan di kedua-dua negara dan di peringkat global. Kami berbangga melihat pemimpin muda kedua-dua negara terlibat secara proaktif dalam perbincangan, berkongsi amalan terbaik mengenai strategi dan penyelesaian serta mengambil tindakan untuk menangani isu ini".

Dalam Majlis Penutup program ini, para peserta SBYLEP Ke-8 kali ini juga berpeluang mengongsikan pendapat terhadap beberapa isu yang berhubung kait dengan pembangunan belia.

Majlis diteruskan dengan sesi perkongsian dari seorang wakil belia Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam dan Sesi Dialog bersama peserta-peserta belia Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap (Kebeliaan), KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin dan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari.

Program yang diadakan selama empat hari bermula 19 hingga 22 November ini merupakan program strategik bagi kedua-dua buah negara di samping menggalakkan pertukaran pemimpin belia masa depan yang melibatkan seramai 30 orang peserta yang berumur 22 hingga 35 tahun dari kedua-dua buah negara yang mempunyai latar belakang dari kalangan profesional dalam bidang Pendidikan, Kepimpinan, Keusahawanan, Pembangunan Masyarakat dan Belia, Sains dan Kesihatan, Kesukarelawanan dan yang berkaitan dengan hal ehwal Kebeliaan.

Tema SBYLEP Ke-8 kali ini adalah 'Building youth resilience in the post-pandemic era'.

# BINCANGKAN ISU SECARA TERBUKA




PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar) Kementerian Kesihatan ketika berucap.




PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar) Kementerian Kesihatan pada sesi bergambar ramai bersama delegasi-delegasi Negara Ahli ASEAN Campur Tiga Three (China, Japan, Republik Korea); dan Sekretariat ASEAN, FETN Coordinating Office dan Rakan-rakan Dialog ASEAN+3 FETN pada Mesyuarat Jawatankuasa Pandu ASEAN+3 FETN dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan Kali Ke-12.

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Zul-Izzi Duraman**

**JERUDONG**, Selasa, 22 November. - Mesyuarat Jawatankuasa Pandu ASEAN Campur Tiga Rangkaian Latihan Field Epidemiology (ASEAN+3 FETN) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan Kali Ke-12 bermula hari ini, di Dewan Indera Samudera, The Empire Brunei, di sini.

Mesyuarat berkenaan ditubuhkan pada tahun 2011, berikutan Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan ASEAN Campur Tiga Kali Ke-4, yang menekankan sokongan bagi menggalakkan lagi pembangunan rangkaian dalam Program Latihan Field Epidemiology di Negara-negara ASEAN Campur Tiga, bagi meningkatkan kewaspadaan, kesiagaan, kapasiti, komunikasi dan kerjasama.

Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar) Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Anie Haryani binti Abdul Rahman selaku tetamu kehormat majlis dalam ucapan alu-aluannya menyatakan, cabaran unik yang dihasilkan oleh pandemik COVID-19 mencipta keperluan baharu dan memberi motivasi untuk menggunakan teknologi kesihatan digital.

Dalam banyak keadaan, jelasnya, alat-alat kesihatan digital beralih dari sebagai peluang berpotensi yang menarik menjadi keperluan segera, dalam memberikan dorongan, bagi kemajuan dan pengambilan yang sangat pesat dalam amalan.

Menurutnya, dalam usaha ke arah mengatasi cabaran keselamatan kesihatan, kita tidak boleh lupa, bahawa tindakan ini menjejaskan masyarakat, di mana kumpulan yang paling berisiko terhadap ancaman keselamatan kesihatan, wabak serta bencana alam adalah kumpulan paling terpinggir dan rentan.

"Keselamatan kesihatan tidak boleh dilihat beroperasi tanpa komunikasi yang cukup (in a silo), tetapi mesti disepadukan ke dalam strategi pembangunan kesihatan dan sosial yang lebih luas," ujarnya.

Beliau menambah, masalah terbesar yang kita hadapi tidak dikawal dengan penyelesaian teknikal sahaja, malahan ia memerlukan tindakan merentas sektor, melibatkan masyarakat serta perpaduan yang lebih erat di antara negara.

"Saya berharap dalam tempoh beberapa hari akan datang, kita boleh membincangkan isu-isu ini secara terbuka dan jujur serta cadangan konkrit yang menjamin kesihatan dan meningkatkan kehidupan akan muncul.

"Saya percaya, bahawa jika kita boleh mempergiatkan usaha kita, bagi memastikan tenaga kerja Field Epidemiology di rantau kita berdaya tahan pada masa-masa wabak penyakit, generasi akan datang akan mengatakan, bahawa kita telah menyampaikan kepada mereka platform yang betul untuk kehidupan yang sihat dan produktif," katanya.

Jawatankuasa Pandu Mesyuarat tersebut, terdiri daripada wakil-wakil dari 13 negara, menyediakan pengawasan dan arah strategik bagi memastikan, bahawa rangkaian tersebut dapat menyampaikan objektifnya, termasuk memberikan sokongan untuk memperkukuhkan kapasiti Program Latihan Field Epidemiology (Field Epidemiology Training Program - FETP) di tahap nasional, memudahkan kerjasama dalam kalangan ahli-ahli; serta berfungsi sebagai platform untuk berkongsi pengalaman, latihan dan pembinaan kapasiti serantau.

Mesyuarat turut membincangkan pengajaran-pengajaran yang diperoleh dari pandemik COVID-19 dan bagaimana rantau berkenaan dapat menggunakan pengajaran ini dalam menilai serta melaksanakan kerjasama kesihatan serantau untuk memperkukuhkan Latihan Field Epidemiology.

Tema mesyuarat berkenaan, 'Leveraging Digital Technology to Strengthen Field Epidemiology' memberikan platform bagi perbincangan mengenai bidang amalan kesihatan awam ini.

Negara-negara tersebut akan mengongsikan kaedah terbaik mereka mengenai penggunaan teknologi kesihatan digital mereka dalam empat bidang utama, iaitu komunikasi dan informasi; pemantauan dan pengawasan; sokongan peruntukan perkhidmatan kesihatan; serta vaksinasi.

Agenda teknikal mesyuarat ini akan digariskan melalui perbincangan mengenai memanfaatkan teknologi digital bagi memperkukuhkan Field Epidemiology dalam Persidangan Kesihatan Awam Digital (DPH) Kedua, yang akan berlangsung secara serentak dengan mesyuarat jawatankuasa pandu tersebut dan dihoskan oleh Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat Jawatankuasa Pandu itu, termasuk Inter-network Meeting of Indo-Pacific FETPs di antara ASEAN+3 FETN, South-East Asia Field Epidemiology and Technology Network (SAFETYNET), dan Training Programs in Epidemiology and Public Health Interventions Network (TEPHINET).

Mesyuarat Joint Indo-Pacific FETP Networks ini akan membincangkan landskap analisis rangkaian Field Epidemiology dalam rantau tersebut dan mengenal pasti keperluan, kekuatan, sinergi serta mempertimbangkan peluang-peluang berpotensi untuk keselarasan dan kerjasama.

Mesyuarat itu dihadiri oleh delegasi-delegasi dari kesemua Negara Ahli ASEAN Campur Tiga Three (China, Japan, Republik Korea); dan Sekretariat ASEAN, FETN Coordinating Office dan Rakan-rakan Dialog ASEAN+3 FETN.



SETIAUSAHA KHEU semasa bergambar ramai pada Program Hayya Ilal Arabiyyah.

# PUPUK MINAT PELAJAR BERTUTUR BAHASA ARAB

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Hamzah Mohidin



SETIAUSAHA Tetap KHEU menyaksikan Pertandingan Masterchef pada program tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 22 November. - Program Hayya Ilal Arabiyyah merupakan kesinambungan usaha Jabatan Pengajian Islam (JPI) untuk memperkasa kemahiran bertutur dalam Bahasa Arab bagi para pelajar sekolah-sekolah Arab dan dilaksanakan secara bergilir ke semua Sekolah Arab.

Sehubungan itu, Bahagian Kokurikulum, JPI, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Program Hayya Ilal Arabiah ke Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS), yang berlangsung di sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, yang juga menyempurnakan Perasmian serta Pelancaran Program Hayya Ilal Arabiyyah dan kemudiannya menyampaikan hadiah kepada peserta-peserta program.

Turut hadir, para jemputan khas dan pegawai-pegawai dari KHEU.

Acara program dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh tetamu khas majlis, diikuti dengan bacaan Doa Selamat dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengetua SUAMPRIPAHS, Dayang Hajah Azizah binti Haji Mohammad.

Antara pengisian program, termasuk Pertandingan Masterchef, Pameran Booth Kebudayaan dan Bazar Souq Ar-Rayhan.

Adapun tujuan program diadakan ialah untuk menyuntik, mendidik, mengasuh dan memupuk minat pelajar-pelajar bertutur dalam Bahasa Arab serta meningkatkan keupayaan pertuturan mudah dalam Bahasa Arab.

Di samping itu, ia juga dapat membantu membina sahsiah dan keyakinan diri pelajar ke arah generasi cemerlang serta terbilang, di samping untuk meningkatkan kerjasama di antara guru dan pelajar.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) semasa menyempurnakan Perasmian serta Pelancaran Program Hayya Ilal Arabiyyah.

# Sentiasa istiqamah mendampingi Al-Quran

Siaran Akhbar : Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Foto : Hamzah Mohidin

**BERAKAS**, Selasa, 22 November. - Seramai 362 pelajar Tahun 10 Fast Track dan Tahun 11, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, kelmarin.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi acara tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan surah-surah oleh para pelajar Khatam Al-Quran.

Kemudian majlis diteruskan dengan bacaan Takhtim oleh pelajar-pelajar Tahun 10 dan bacaan Doa Khatam Al-Quran oleh Mohammad Yaasir bin Haji Ibrahim.

Majlis juga diserikan dengan bacaan Dikir Marhaban oleh pelajar Tahun 10 dan diikuti dengan penyampaian sijil oleh tetamu kehormat majlis kepada para peserta Khatam Al-Quran.

Adapun tujuan diadakan majlis ini adalah bagi melahirkan rakyat celik Al-Quran dan menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai satu budaya dalam merealisasikan hasrat pembentukan 'Generasi Al-Quran' dan 'Negara Zikir'.

Diharap dengan berlangsungnya acara tersebut, penuntut-penuntut akan sentiasa istiqamah mendampingi Al-Quran dalam kehidupan seharian dan menekankan penghayatan Tilawah Al-Quran dalam diri mereka sebagai petunjuk dan rahmah.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran (atas). Sementara gambar bawah, pelajar Tahun 10 Fast Track dan Tahun 11, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang menyertai Majlis Khatam Al-Quran.

Majlis ini diungkayahkan oleh Ahli Jawatankuasa sekolah yang dilantik bagi menanamkan sifat bekerjasama warga sekolah dengan ibu bapa / penjaga dan sebagai galakan kepada para pelajar untuk lebih berusaha mencapai kejayaan cemerlang duniawi dan ukhrawi pada masa akan datang.

Turut hadir, para jemputan khas dari Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama dan ibu bapa / penjaga peserta-peserta khatam.



# ABAC : GESA TINDAKAN TEGAS PERCEPATKAN PEMULIHAN EKONOMI




**AHLI ABAC Negara Brunei Darussalam semasa mengadakan pertemuan di Bangkok bermula pada 13 hingga 16 November 2022.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Penasihat Perniagaan APEC**

**BANGKOK**, Isnin, 21 November. - Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) akan menyampaikan mesej yang penting kepada pemimpin APEC pada akhir minggu ini yang menekankan kepada keperluan untuk kepimpinan kolektif dan tindakan tegas bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi dan menjamin prospek pertumbuhan jangka panjang.

Ini ketika dunia terus bergelut dengan pelbagai cabaran mendesak dan saling berkaitan termasuk pandemik yang berterusan, konflik geopolitik, inflasi yang meningkat, ketidakjaminan makanan dan tenaga, ancaman perubahan iklim dan gangguan rantaian bekalan yang berterusan.

Ahli ABAC telah mengadakan pertemuan di Bangkok bermula pada 13 hingga 16 November 2022 untuk memuktamadkan program kerja komprehensif sepanjang tahun, hasil daripada perniagaan dan akademik daripada seluruh APEC.

Mereka akan menyampaikan laporan dan cadangan yang terhasil sebagai tambahan kepada seruan segera mereka untuk bekerjasama kepada pemimpin dalam sesi dialog yang diadakan pada 18 November 2022.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Tenaga Thailand, Tuan Yang Terutama Supattanapong Punmeechaow, menyampaikan ucaptamanya semasa merasmikan mesyuarat ABAC, dengan menekankan prospek ekonomi global yang tidak menentu dan suram.

Pengerusi ABAC, Kriengkrai Thiennukul selaku Pengerusi Federation of Thai Industries berkata, konteks semasa bermakna dialog yang pertama diadakan secara peribadi sejak tahun 2018 iaitu ketika waktu kritikal.

"Kami akan menarik perhatian pemimpin bahawa cabaran ini menuntut kedua-dua kepimpinan dan tindakan tegas daripada ekonomi APEC.

"Kami dalam komuniti perniagaan, tidak sabar untuk menyumbang, bekerjasama dan memajukan pemulihan bagi menjamin pertumbuhan masa depan," tambahnya.

Beliau seterusnya berkata bahawa ABAC telah mencadangkan pelbagai tindakan untuk memperdalamkan integrasi ekonomi, termasuk menyokong Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) yang lebih kukuh dan lebih relevan serta mempercepatkan perjalanan ke arah Kawasan Perdagangan Bebas Asia-Pasifik melalui program kerja berstruktur yang akan memberikan manfaat ketara kepada perniagaan dalam masa yang singkat kepada jangka sederhana.

"Kami juga berusaha untuk menyepadukan kemampanan termasuk tindak balas iklim merentas agenda pertumbuhan APEC, termasuk melalui tindakan praktikal seperti membolehkan perdagangan dalam barangan dan perkhidmatan alam sekitar, serta rangka kerja baharu untuk perdagangan dan pelaburan dalam tenaga boleh diperbaharui," terangnya lagi.

Kriengkrai Thiennukul seterusnya menyatakan kepentingan untuk mendayakan ekonomi digital dan menggalakkan transformasi digital untuk daya tahan dan pertumbuhan, terutamanya untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Tahun ini tambahnya, ABAC menekankan mengenai keselamatan siber, identiti digital, perkongsian data, kemudahan perdagangan digital, teknologi kesihatan dan infrastruktur dengan cadangan yang boleh diambil tindakan segera.

"Kami juga menugaskan laporan penting dari USC Marshall School of Business mengenai 'The New MSME Economy: Post-Pandemic Drivers for Growth', yang turut menyerlahkan kepentingan keupayaan digital.

"Tindakan ini semuanya asas untuk membolehkan rantau yang lancar, dinamik, berdaya tahan dan mampan serta menjadi tempat bagi semua orang termasuk insan yang kurang bernasib baik dan kurang mendapat perkhidmatan boleh menikmati faedah dan peluang yang ditawarkan oleh integrasi ekonomi serantau yang lebih mendalam," terangnya.

ABAC juga meluluskan program kerjanya untuk tahun 2023 bertemakan 'Equity. Sustainability. Opportunity'.

"Dalam merumuskan program kerja kami, kami dipandu oleh tiga prinsip, iaitu pertama, kita perlu memastikan bahawa kerja ABAC mempertimbangkan keadaan rakyat di rantau kita. Mereka sepatutnya mempunyai kepentingan dalam dan mendapat manfaat daripada kerja APEC; kedua, ABAC harus memberikan tumpuan kepada dasar yang memajukan pertumbuhan ekonomi seimbang dengan alam sekitar dan memaksimumkan potensi sektor swasta untuk menangani perubahan iklim; dan ketiga, kita harus menggalakkan dasar yang meluaskan peluang ekonomi dengan meningkatkan akses kepada latihan, teknologi, modal dan alat lain yang membolehkan orang ramai menyumbang kepada pertumbuhan wilayah kita," kata Pengerusi ABAC 2023, Dominic Ng dari ABAC USA.

Pada mesyuarat berkenaan turut diumumkan bahawa Ahli ABAC Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Pengarah Eksekutif Kumpulan Syarikat LVK, Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii akan menjadi Chair for Inclusion Task Force in 2023 dengan fokus kepada pemerkasaan ekonomi wanita, melibatkan orang asli dalam ekonomi, memformalkan ekonomi tidak formal dan merapatkan generasi melalui penglibatan ekonomi.

Dialog ABAC dengan pemimpin telah berlangsung pada 18 November 2022 selepas Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif APEC, dan dibina berdasarkan kepada penglibatan sepanjang tahun antara ABAC dan Menteri-menteri Perdagangan dan Kewangan APEC, dan penyertaan dalam mesyuarat peringkat tinggi dan mesyuarat menteri sektoral termasuk keselamatan makanan, wanita dan ekonomi, PKS dan pelancongan.

Ahli ABAC NBD dan Ketua Pegawai Eksekutif Imagine Sdn. Bhd., Suzanna Suharju turut hadir pada Sesi Dialog ABAC Bersama Pemimpin.

"Selepas kerja komprehensif selama setahun, ahli ABAC berpeluang membentangkan kepada pemimpin APEC, cadangan praktikal ABAC dalam menyokong pemulihan ekonomi dan untuk menjamin pertumbuhan masa depan jangka panjang.

"Asas cadangan yang dibuat ialah keperluan untuk semua ekonomi bekerjasama dan menyumbang serta pemimpin mengambil tindakan tegas bersama-sama.

"Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ABAC Thailand termasuk Pengerusi ABAC 2022, Kriengkrai Thiennukul atas kepimpinan beliau sepanjang tahun dan menantikan kepimpinan Pengerusi yang akan datang untuk tahun 2023, Dominic Ng dari ABAC USA," kata Suzanna Suharju.

Beliau seterusnya berkata bahawa ABAC NBD teruja untuk mengumumkan penganjuran mesyuarat ABAC II 2023 di NBD dan memperkenalkan kepada rakan sekerja ABAC dengan apa yang ditawarkan di NBD.

Sementara itu, Dayang Nik Hafimi menyatakan cadangan ABAC kepada pemimpin APEC dan dialog semasa Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC (AELM) boleh bertindak sebagai titik utama selepas pandemik tetapi sebagai pemimpin perniagaan, beliau percaya dalam membolehkan impak.

"Kami berharap untuk turut mengalu-alukan Ahli ABAC ke NBD untuk mesyuarat 2023-ABAC 2 dan kami akan menyampaikan kepada rakan sejawatan ABAC & APEC kami secara terbuka dan serius dalam mewujudkan dan meningkatkan kepelbagaian ekonomi dan pemulihan yang mampan," ujarnya lagi.

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلوأن قوسة دعوه اسلاميه

# Mensyukuri nikmat usia

**IMAN** dan takwa adalah unsur penting dalam diri dan jiwa seorang Muslim kerana jika salah satu atau kedua-duanya tiada pada diri atau jiwa seorang Muslim, maka tidak akan lengkap Islam seseorang itu dan tidak menepati ciri-ciri seorang Islam yang beriman dan bertakwa.

Kehidupan ini cuma sementara, hanya iman dan takwa serta amal ibadah yang disertakan dengan mengharap keredaan Allah Subhanahu Wata'ala sahajalah yang akan menjamin kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa mengurniakan pelbagai nikmat yang tidak terhitung banyaknya. Firman-Nya dalam Surah An-Nahl, ayat 18, mafhumnya :

*"Dan jika kamu menghitung nikmat Allah tentulah kamu tidak dapat menghitung banyaknya. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".*

Nikmat usia adalah antara nikmat kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala yang sangat bernilai kepada hamba-Nya. Maka sewajarnya kita bersyukur dan berterima kasih kepada-Nya atas usia yang masih berbaki. Salah satu cara mensyukurinya adalah dengan mengabdikan diri kepada Allah dengan mengerjakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya serta memperbanyakkan amal bakti kepada hamba-hamba-Nya. Kita perlu bersedia melaksanakan serta menegakkan syiar Islam sama ada dengan harta, tenaga mahupun buah fikiran dengan penuh ikhlas, jujur dan amanah.

Dengan bertambahnya usia, semakin dekatlah pula kita kepada ajal atau kematian. Justeru itu, sewajarnya kita manfaatkan usia yang ada sekarang dengan sebaik-baiknya. Jangan terpedaya dengan kekuatan dan kesihatan tubuh badan kita kerana semuanya akan berakhir apabila ajal bertandang. Hadis riwayat Imam Ahmad daripada Abu Bakarah, bermaksud :

*"Seorang lelaki bertanya : "Ya Rasulullah, manusia manakah yang paling baik?" Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Siapa yang panjang umurnya dan baik pula amalnya". Lelaki itu bertanya : "Dan manusia manakah yang paling buruk?" Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Siapa yang panjang umurnya dan buruk pula amalnya".*

Usia yang dianugerahkan kepada kita akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah di akhirat nanti. Kita akan ditanya mengenainya. Seluruh anggota badan akan menjadi saksi tentang apa dan untuk apa dipergunakan usia yang telah dipinjamkan-Nya. Penyesalan tidak berguna lagi bagi mereka yang melakukan kemaksiatan, kerana tiada berpeluang untuk bertaubat dan beramal soleh. Manakala bagi mereka yang bertakwa dan beramal soleh, mereka akan beroleh kebahagiaan hasil usaha memanfaatkan usia semasa hidup di dunia.

Bagi mereka yang beriman kepada Allah pula, sudah pasti mempercayai bahawa suatu masa yang ditentukan, ajalnya akan tiba dan dia akan pulang ke rahmatullah bagi menghadapi pertanggungjawaban usianya kepada Allah. Apabila kepercayaan ini sudah diyakini dengan kuat, maka sudah tentu ia akan berusaha mencapai husnul khatimah iaitu penghabisan usia yang baik. Tiada lain tempat balasannya melainkan syurga. Firman Allah dalam Surah An-Nahl, ayat 97 mafhumnya :

*"Sesiapa yang mengerjakan amalan yang soleh sama ada laki-laki atau perempuan sedang dia orang yang beriman maka sesungguhnya Kami sudah tentu akan menghidupkannya dengan kehidupan yang baik dan Kami sudah tentu akan mengurniakan mereka dengan ganjaran yang lebih baik daripada apa yang mereka telah kerjakan".*

Hadis riwayat Al-Baihaqi daripada Ibnu 'Abbas Radhiallahu 'anhuma katanya : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda kepada seorang lelaki untuk menasihatinya, yang bermaksud :

*"Pergunakanlah lima (kesempatan) sebelum (datangnya) lima (kesempitan) : (Pertama, pergunakanlah) kesempatan sihatmu sebelum (datang) sakitmu; (kedua pergunakanlah kesempatan) sihatmu sebelum (datang) sakitmu; (ketiga pergunakanlah kesempatan) semasa kayamu sebelum (datang) miskinmu; (keempat, pergunakanlah kesempatan) masa lapangmu sebelum (datang) masa sibukmu; (dan kelima, pergunakanlah kesempatan) masa hidupmu sebelum (datang) saat kematianmu".*

Oleh itu, berbuat amal ibadatlah sebelum terlambat, sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tiada gunanya. Jangan ditunggu hingga usia sudah lanjut, baru hendak beramal ibadat, kerana kita tidak pasti bila ajal akan menjemput. Sama-samalah kita mensyukuri nikmat usia yang dipinjamkan-Nya kepada kita dengan memanfaatkannya bagi kesejahteraan dunia dan akhirat.

# PMB : TINGKAT PENGETAHUAN MASYARAKAT



ANTARA jemaah dan Muslimah Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun yang hadir mendengarkan taklimat.

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 21 November. - Seramai 40 jemaah dan Muslimah Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun hadir pada sesi sebelah petang Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang diadakan di Dewan Auditorium Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama Berakas.

Pada sesi berkenaan, para rombongan diperdengarkan dengan taklimat mengenai peranan, dasar dan peraturan dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) yang disampaikan oleh wakil dari JKED.

Dalam taklimat berkenaan antara lain menghuraikan mengenai Perintah Kastam 2006 dan Perintah Eksais 2006, iaitu barang-barang sekatan dan larangan; tatacara memohon eksport dan import barang; prosedur memproses deklarasi; tatacara permohonan barang transit dan pindah barang; cukai; penguatkuasaan kawalan barangan subsidi; dan pelbagai kesalahan dan penalti kastam.

Program kemudian diakhiri dengan lawatan rombongan ke Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja (Brunei Energy Hub) di ibu negara untuk mengetahui lebih lanjut mengenai sejarah sebelum penemuan minyak dan gas sehingga penerokaan pertama telaga minyak pada tahun 1899.

Rombongan juga turut berpeluang menyaksikan galeri yang mempamerkan sejarah dan kehidupan rakyat negara ini sebelum kemunculan industri minyak dan gas pada tahun 1929 dan bagaimana industri berkenaan terus menjadi tulang belakang ekonomi Negara Brunei Darussalam hingga ke hari ini.

Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja dibuka untuk kunjungan orang ramai pada setiap Sabtu hingga Khamis, bermula jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang dan ditutup setiap Jumaat.

Program berkenaan adalah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan terkini mengenai pelbagai usaha kerajaan ke arah mempertingkatkan taraf hidup dan menginspirasikan anggota masyarakat melalui aktiviti keusahawanan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.



TAKLIMAT dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.






JEMAAH dan Muslimah Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun semasa mengadakan lawatan ke Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja (Brunei Energy Hub) di ibu negara (kiri dan atas).

# Bariga usaha kerajaan ke arah mempertingkatkan taraf hidup



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini hadir pada Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) (kiri). Manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir mendengarkan taklimat.

**Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BERAKAS**, Isnin, 21 November. - Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua anggota masyarakat memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan melalui penyampaian taklimat, sesi dialog dan lawatan.

Ke arah itu, tujuan program berkenaan diadakan adalah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan terkini mengenai pelbagai usaha kerajaan ke arah mempertingkatkan taraf hidup dan menyuntik semangat diri serta memberikan inspirasi kepada anggota masyarakat.

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Muhammad Azyzul Azman@Rosman bin Yakub pada PMB bagi seramai 40 orang jemaah dan Muslimah Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun yang berlangsung pagi tadi bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan, di sini.

Beliau seterusnya menjelaskan, selain itu ia juga bertujuan untuk mengukuhkan jati diri dan memberikan keyakinan yang tinggi dalam menangani cabaran dan pengaruh kehidupan yang boleh mengganggu keharmonian, kesejahteraan dan kestabilan kehidupan di negara ini.

Antara pengisian program ialah taklimat bertajuk 'Peranan dan Tanggungjawab Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Ketua Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris, yang menekankan pentingnya menanamkan rasa cinta kepada raja, bangsa dan negara; peranan dan tanggungjawab rakyat kepada negara dan pemerintah; masyarakat serta keluarga dalam sama-sama menyumbang kepada kesejahteraan negara.

Untuk meningkatkan kesedaran awam, Jabatan Peguam Negara dalam taklimatnya mengenai 'Jenayah Siber' menyentuh mengenai perkongsian maklumat peribadi terperinci secara dalam talian yang boleh digunakan oleh penjenayah siber dengan secara mudah mengeksploitasi untuk melakukan jenayah terancang.

Para peserta juga didedahkan mengenai bahaya penyalahgunaan teknologi media sosial seperti *cyber-bully* dan penipuan dalam talian atau *scamming* atau *phishing* serta peras ugut dengan pelbagai isu yang berkaitan dengan Jenayah Siber dan penggunaannya di media sosial.

Taklimat mengenai 'Wawasan Negara 2035' daripada Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035, Jabatan Perdana Menteri mengongsikan beberapa inisiatif dan perkembangan terkini yang dilaksanakan ke arah menuju Wawasan Negara dalam bidang pendidikan, sumber tenaga manusia, sektor kesihatan, infrastruktur dan peningkatan keberkesanan dan produktiviti sektor awam.

Turut hadir pada program berkenaan, Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini.









ANTARA yang menyampaikan taklimat pada PMB tersebut.

PELITA BRUNEI

# MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN : 54 PESERTA MEMPERDENGARKAN BACAAN





**PEMANGKU Pengarah Pentadbiran, Jabatan Pentadbiran, KHEU, Awang Haji Md. Shamsul Riza bin Haji Sulaiman hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan (atas), manakala gambar kanan, antara peserta yang memperdengarkan bacaan mereka.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BERAKAS**, Isnin, 21 November. - Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan merupakan wadah untuk mengembangkan lagi dan memartabatkan bidang Al-Quran sekali gus dapat mendorong masyarakat ke arah celik Al-Quran dan sebagai Zikir untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Ke arah mencapai hasrat yang signifikan berkenaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menganjurkan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1444H/2023M yang diadakan selama empat hari berturut-turut bermula hari ini hingga Khamis, 24 November 2022 di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dan ia merupakan projek tahunan KHEU.

Seramai 54 peserta terdiri daripada 41 orang qari dan 13 orang qariah terpilih ke musabaqah berkenaan. Daripada jumlah berkenaan, seramai 34 orang daripadanya, iaitu 28 orang qari dan enam orang qariah merupakan para peserta yang terpilih pada Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Daerah Bagi Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara Tahun 1444H/2022M anjuran Jabatan Hal Ehwal Masjid, yang telah berlangsung pada 1 hingga 3 November 2022.

Manakala seramai 10 orang lagi, terdiri daripada lapan qari dan dua qariah merupakan para peserta yang memperolehi markah 80 peratus ke atas selama tiga tahun berturut-turut pada Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan.

Sementara itu, seramai sembilan peserta lagi adalah daripada Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1443H / 2022M lalu serta seorang johan qariah Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1441H/2020M.

Pada hari pertama musabaqah berkenaan, seramai 17 peserta terdiri daripada 13 qari dan empat qariah memperdengarkan bacaan masing-masing.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan, Pemangku Pengarah Pentadbiran, Jabatan Pentadbiran, KHEU, Awang Haji Md. Shamsul Riza bin Haji Sulaiman.

Majlis Pengumuman Keputusan dan Penyampaian Hadiah dan Cenderamata kepada para peserta dan hakim Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1444H / 2023M akan diadakan pada Khamis, 29 Rabiulakhir 1444 bersamaan 24 November 2022 bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Musabaqah berkenaan merupakan sebagai titik permulaan dan medan bagi para qari dan qariah negara untuk melangkah ke peringkat serantau dan antarabangsa.

Penganjuran musabaqah berkenaan bertujuan memberi pendedahan dan galakan kepada qari dan qariah negara untuk meningkatkan mutu pembacaan Al-Quran mereka, di samping membuka minda serta menarik minat masyarakat untuk mempelajari teknik bacaan yang betul dan teratur.

Orang ramai bolehlah mengikuti musabaqah berkenaan secara langsung melalui Instagram rasmi KHEU *@kheu.brunei.*




# Penambahbaikan ciri PSCR 2.0 akan dilaksanakan

**Siaran Akhbar dan Infografik : Suruhanjaya Perkhidmatan Awam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 22 November. - Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) mengumumkan bahawa portal PSC Recruitment 2.0 (PSCR 2.0) tidak akan dapat diakses pada Selasa, 29 November 2022 dianggarkan bermula jam 8.00 pagi sehingga 3.00 petang disebabkan oleh kerja-kerja menaik taraf portal tersebut.

Portal hanya akan dapat diakses setelah kerja-kerja penaiktarafan selesai dijalankan. Pihak Pejabat SPA memohon maaf bagi sebarang kesulitan yang akan dihadapi dan menghargai kesabaran, kefahaman serta kerjasama yang diberikan oleh pihak awam.

Kerja-kerja penaiktarafan yang akan dibuat adalah bagi penambahbaikan terhadap ciri-ciri PSCR 2.0 bagi kemudahan pengguna portal tersebut iaitu, Tambahan ciri Pop-up Notification iaitu penghantaran notifikasi terus ke alat peranti pengguna (telefon bimbit, tablet atau komputer); Tambahan Bell Notification bagi permakluman senarai status permohonan terkini di dalam *dashboard* pengguna PSCR 2.0.

Selain itu, Tambahan progress bar pada ruangan 'Pengakuan Pemohon' sebagai ciri mandatori untuk dilengkapkan pengguna PSCR 2.0. dan Tambahan dialog Pop-up bagi mengesahkan profil pemohon adalah lengkap, telah dikemas kini, betul dan teratur sebelum membuat sebarang permohonan jawatan kosong.

Pejabat tersebut berharap dengan penambahan ciri-ciri baharu ini akan dapat mempermudahkan lagi penyampaian maklumat berkaitan permohonan jawatan kosong dalam Perkhidmatan Awam melalui notifikasi secara aktif seperti bagi panggilan ujian dan temu duga.

Di samping itu juga, tambahan ciri-ciri tersebut diharap akan dapat membantu pengguna dalam memastikan profil mereka adalah sentiasa lengkap, terkini, betul dan teratur semasa membuat permohonan jawatan yang diiklankan.

Maklumat mengenai tatacara penggunaan ciri-ciri baharu dapat diperoleh melalui laman sesawang rasmi Pejabat SPA *www.spa.gov.bn*, portal PSCR 2.0 *www.recruitment.gov.bn* dan media sosial rasmi Pejabat SPA, iaitu PSC.BN melalui Instagram, Facebook dan Telegram mulai 22 November 2022.

Bagi sebarang pertanyaan, pihak awam bolehlah terus berhubung dengan Pejabat tersebut melalui meja bantuan talian WhatsApp atau Telegram menerusi talian +673 7371961 semasa waktu bekerja atau e-mel ke alamat *query@spa.gov.bn.*



# Bolehkah Perempuan Berkahwin Dengan Bapa Tirinya Atau Anak Bapa Tirinya?




**(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**MENURUT** Kamus Dewan, pengertian 'anak tiri' ialah anak kepada isteri atau suami (seseorang) daripada perkahwinannya yang terdahulu. Manakala perkataan 'tiri' bererti (anak, bapa, ibu) yang tidak ada perhubungan darah, bukan (anak, bapa, ibu) sendiri.

Kedudukan hubungan antara seorang perempuan dengan bapa tirinya masih menjadi kekeliruan sebahagian orang. Ada orang yang beranggapan ikatan perkahwinan ibu kandung perempuan itu dengan bapa tirinya menjadikan dia mahram kepada bapa tirinya sehingga menyebabkan dia tidak boleh berkahwin.

Selain itu, kekeliruan juga berlaku terhadap kedudukan hubungan antara seorang perempuan dengan anak lelaki bapa tirinya sehingga ada yang beranggapan dia dan anak lelaki bapa tirinya juga menjadi mahram disebabkan perkahwinan ibu kandungnya dengan bapa tirinya itu.

Maka untuk penjelasan perkara di atas, dihuraikan kedudukan hukum perkahwinan antara seorang perempuan dengan bapa tirinya dan hukum perkahwinannya dengan anak lelaki kepada bapa tirinya.

**Hubungan Perempuan Dengan Bapa Tirinya**

Anak tiri perempuan adalah termasuk antara perempuan yang haram dikahwini disebabkan oleh persemendaan (*mushaharah*). Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam al-Qur'an:

**Tafsirnya:** *Dan anak-anak tiri kamu yang dalam pemeliharaan kamu daripada isteri-isteri yang telah kamu campuri (termasuk cucu dan setiap yang menjadi keturunan kepadanya), tetapi sekiranya kamu belum mencampuri mereka (isteri kamu) itu (dan kamu telah pun menceraikan mereka) maka tidaklah menjadi salah ke atas kamu (berkahwin dengan mereka).*

(Surah an-Nisa': 23)

Dari segi bahasa *ar-rabibah* ialah anak perempuan dari isteri dengan suaminya yang terdahulu. Manakala dari segi istilah fuqaha pula *ar-rabibah* ialah anak perempuan kepada isteri, cucu perempuan kepada isteri dan seterusnya hingga ke bawah dari keturunan isteri.

Kedudukan seorang perempuan menjadi mahram kepada bapa tirinya bukan semata-mata disebabkan perkahwinan tetapi dengan sebab berlakunya persetubuhan antara ibu kandungnya dengan bapa tirinya selepas perkahwinan mereka. Jika tidak berlaku sebarang persetubuhan antara bapa tirinya dengan ibu kandungnya dalam tempoh perkahwinan mereka, maka perempuan tersebut tidak menjadi mahram *mu'abbad* (perempuan yang haram dinikahi selama-lamanya) kepada bapa tirinya. Hubungan antara perempuan dengan bapa tirinya dalam keadaan sedemikian disebut sebagai mahram *mu'aqqat* (perempuan yang haram dinikahi buat sementara waktu).

Ini bererti bahawa apabila berlaku perceraian antara bapa tirinya dengan ibu kandung perempuan itu setelah mereka melakukan persetubuhan, adalah haram bagi bekas bapa tirinya itu menikahi perempuan tersebut untuk selama-lamanya. Tetapi jika perceraian antara bapa tirinya dengan ibu kandung perempuan itu berlaku sebelum mereka melakukan persetubuhan, maka tidak haram bagi bekas bapa tirinya itu menikahinya.

**Hubungan Seseorang Dengan Anak Bapa Tirinya**

Maksud hubungan antara seseorang dengan anak bapa tirinya di sini ialah hubungan sesama anak tiri. Sebagai contoh seorang duda berkahwin dengan seorang janda yang masing-masing mempunyai anak hasil perkahwinan mereka yang terdahulu. Maka hubungan antara semua anak mereka berdua adalah adik-beradik tiri. Perkahwinan ibu dan bapa mereka ini menjadikan antara mereka seolah-olah adik beradik, namun menurut syara' tidak ada hubungan mahram di antara mereka yang menghalang mereka bernikah antara satu dengan yang lain.

Asy-Syaikh Sulaiman al-Bujairimi *Rahimahullah* ada menyebutkan mengenai keharusan seorang lelaki berkahwin dengan anak perempuan kepada bapa tirinya, beliau berkata:

**Ertinya:** *Sesungguhnya tidak haram (berkahwin dengan) anak perempuan kepada suami emak (adik beradik tiri) dan (tidak juga haram berkahwin dengan) emak kepada suami emak.*

Beliau berkata lagi mengenai keharusan seorang lelaki berkahwin dengan anak perempuan kepada emak tirinya, beliau berkata:

**Ertinya:** *Tidak juga (haram berkahwin dengan) emak kepada isteri bapa dan (tidak haram juga berkahwin dengan) anak perempuan kepada isteri bapa (adik beradik tiri).*

Dari penjelasan di atas dapat difahami bahawa seorang lelaki adalah harus berkahwin dengan anak perempuan kepada bapa tirinya atau dengan anak perempuan kepada ibu tirinya. Begitu juga sebaliknya, seorang perempuan adalah harus berkahwin dengan anak lelaki kepada bapa tirinya atau anak lelaki kepada ibu tirinya.

Dengan kedudukan adik beradik tiri boleh berkahwin sesama mereka maka mereka hendaklah menjaga etika pergaulan sebagaimana yang digariskan oleh syara' seperti menutup aurat, tidak berdua-duaan atau berkhalwat, tidak bersentuhan seperti bersalaman dan sebagainya kerana mereka tiada hubungan mahram.

Demikianlah huraian mengenai hukum perempuan berkahwin dengan bapa tirinya atau anak kepada bapa tirinya.



# MINDA PEMBACA

## Tingkat kesedaran masyarakat bahaya Penyakit Tidak Berjangkit

**PENYAKIT** Tidak Berjangkit (NCD) merupakan isu yang sangat membimbangkan di Negara Brunei Darussalam (NBD). Antara punca utama kematian di NBD adalah disebabkan oleh NCD seperti kencing manis, strok, penyakit jantung, penyakit pernafasan kronik dan kanser.

Perubahan dalam corak pemakanan dan gaya hidup telah membawa kepada peningkatan Obesiti yang merupakan salah satu faktor membawa kepada NCD. Angka NCD yang semakin meningkat akan memberikan kesan yang negatif terhadap pembangunan dan sosioekonomi negara termasuklah peningkatan kos penjagaan kesihatan dan seterusnya ia akan menjejaskan kualiti kehidupan kita.

Oleh itu, kita hendaklah meningkatkan kesedaran akan kepentingan untuk menjaga kesihatan bagi mencegah risiko NCD. Antara langkah yang dapat dilakukan ialah dengan mengamalkan gaya hidup sihat iaitu memakan makanan yang sihat dan berkhasiat, bersenam sekurang-kurangnya tiga kali seminggu, mengekalkan berat badan yang ideal, berhenti merokok dan belajar menangani stres. Pemeriksaan kesihatan di pusat kesihatan atau klinik-klinik juga adalah penting untuk dilakukan secara berkala bagi memantau tekanan darah, paras gula dan paras kolesterol dalam darah agar penyakit-penyakit ini dapat dikesan pada peringkat awal dan diberikan rawatan secepatnya.

Pihak-pihak yang berkaitan telah banyak menganjurkan pelbagai program dan aktiviti yang menggalakkan gaya hidup sihat di samping memberi kesedaran mengenai kepentingan menjaga kesihatan dan mencegah NCD. Kempen Billion Steps Together merupakan salah satu program yang sedang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan yang bertujuan untuk menggalakkan orang ramai lebih aktif dengan memperbanyakkan langkah setiap hari bagi mencegah dan mengawal NCD. Kementerian Kesihatan juga pada masa ini sedang menjalankan Kaji Selidik Status Kesihatan dan Pemakanan Kebangsaan Kali Ke-3 (3rd National Health and Nutritional Status Survey, NHANSS), yang bertujuan untuk memastikan kelaziman dan trend NCD serta faktor-faktor risikonya di Negara Brunei Darussalam. Hasil daripada kaji selidik ini akan dapat membantu pihak kerajaan untuk mencegah kematian pramatang akibat NCD.

Kesimpulannya, kesedaran mengenai NCD dan cara untuk mencegahnya adalah penting dan perlu ditingkatkan. Bersamalah kita mengamalkan corak pemakanan yang sihat dan kekal aktif untuk menjaga kesihatan demi kebaikan bersama.

**Nama : Nur Risalah binti Rusli**
**No. K/P : 01-072XXX (K)**

## Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Suburkan Budaya Bergotong-royong'.** Tarikh Tutup **: 23 November 2022**
2. **'Waspada Sindiket Penipuan Kewangan'.** Tarikh Tutup **: 30 November 2022**
3. **'Isi Cuti Persekolahan Dengan Aktiviti Berfaedah'.** Tarikh Tutup **: 7 Disember 2022**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel :** ***pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

SEBUT HARGA RANCANGAN PEMAKANAN SEKOLAH

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 221 / 2022 / 2023
[BPPA-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KAFE BAGI : ONE STOP CENTRE KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup dan Waktu :
Sabtu, 3 Disember 2022

---

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 167 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
PENERBITAN PROGRAM MAJALAH TV, BAHAGIAN RANCANGAN TV, RTB.

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 168 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
PENERBITAN PROGRAM MAJALAH TV, BAHAGIAN RANCANGAN TV, RTB.

Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (*Hardcopy*) :
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu, 7 Disember 2022,
jam 2.00 Petang

---

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM

Kelas : V

Kategori : M01

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / BOP-ACM / 32 / 2022

Nama Projek :
Penggantian Peralatan Sistem Penghawa Dingin Sentral Di Muzium Teknologi Melayu, Jalan Kota Batu

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa,
6 Disember 2022

Tarikh Tutup :
Selasa,
20 Disember 2022,
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

---

**PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Sebut Harga :
SPA / BPK / 09 / 2022

Tajuk Sebut Harga :
PEMBEKALAN 4 UNIT WHITEBOARD WITH ADJUSTABLE MOBILE STAND DAN 1 UNIT WHITEBOARD WITH ALUMINIUM FRAME DI BANGUNAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 24 November 2022,
Jam 12.00 Tengah Hari

---

**JABATAN PERIKANAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran :
JPi / 9 / 2022

Tajuk :
"CONSTRUCT, SUPPLY, DELIVERY AND DEPLOY COMPLETE SETS OF MID-WATER FISH AGGREGATING DEVICES ("MWFADS") AT FISHING ZONE 3, BRUNEI DARUSSALAM FISHERY LIMITS"

Tarikh Tutup :
13 Disember 2022
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM

Kelas :
AGEN / PENJUAL KENDERAAN BERMOTOR BAHARU

Kategori :
AGEN / PENJUAL KENDERAAN BERMOTOR BAHARU

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / BOP-ME / 27 / 2022

Nama Projek :
Membekal Satu (1) Unit 'Water Tanker' Untuk Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya

Yuran Tawaran :
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa, 6 Disember 2022

Tarikh Tutup :
Selasa, 20 Disember 2022,
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

---

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM

Kelas : III, IV & V

Kategori : M01 & E01

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / BP / 31 / 2022

Nama Projek :
Penggantian Dan Pemasangan Baharu Alat Penghawa Dingin Jenis DX Split Unit Di Bangunan Block C, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yuran Tawaran :
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa, 6 Disember 2022

Tarikh Tutup :
Selasa, 20 Disember 2022,
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

---

**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

1. UNISSA / SB0039 / 2022 / 2023 - TO SUPPLY, DELIVER AND INSTALL HEAVY DUTY METAL SHELVING FOR CENTRE FOR RESEARCH AND PUBLICATION UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

2. UNISSA / SB0040 / 2022 / 2023 - TO SUPPLY, DELIVER, INSTALL, SETUP, CONFIGURE, TEST & COMMISSIONING, TRAINING AND UPGRADE UNIVERSITY ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA) MANAGEMENT SYSTEM SOFTWARE (UNIVERSITY MANAGEMENT SYSTEM AND STUDENT FEEDBACK EXERCISE)

3. UNISSA / SB0041 / 2022 / 2023 - PERKHIDMATAN PENYEDIAAN VIDEO KORPORAT UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (EDISI KE-4) BAGI UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

4. UNISSA / SB0042 / 2022 / 2023 - PENYEWAAN RUANG KAWASAN BAGI PENYEDIAAN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN MESIN AIR MINUMAN DAN MAKANAN RINGAN (VENDING MACHINE) DI KAMPUS GADONG DAN SINAUT, UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA) BAGI TEMPOH SELAMA DUA (02) TAHUN

5. UNISSA / SB0043 / 2022 / 2023 - RENOVATION WORKS FOR STUDIO RECORDING ROOM AT LIBRARY UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA) - [CLASS : 1 AND ABOVE] & [CATEGORY : KA01, B01, E01, M01, KPME05]

6. UNISSA / SB0044 / 2022 / 2023 - UPGRADING WORKS FOR BUNGALOW B1 AT GADONG CAMPUS UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA) ) – [CLASS : 1 AND ABOVE] & [CATEGORY : KA01 & B01]

7. UNISSA / SB0045 / 2022 / 2023 - MEMBEKAL DAN MEMASANG COVER DAN LABEL RAK PERPUSTAKAAN UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

8. UNISSA / SB0046 / 2022 / 2023 - SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, CONFIGURATION AND TESTING NETWORK INFRASTRUCTURE FOR FEMALE HOSTEL (1ST FLOOR) AND FEMALE GUEST HOUSE (GROUND & 1ST FLOOR) AT GADONG CAMPUS UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat Rabu,
14 Disember 2022
Jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN PERIKANAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

PEMBERITAHUAN TAWARAN

Bilangan Tawaran :
JPi / 10 / 2022

Tajuk :
"CONSTRUCT, SUPPLY, DELIVERY AND DEPLOY COMPLETE SETS OF ARTIFICIAL REEFS ("ARs") AREA 1 AT FISHING ZONE 2, BRUNEI DARUSSALAM FISHERY LIMITS"

Tarikh Tutup :
13 Disember 2022
Jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Tawaran Rancangan Pemakanan Sekolah

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 81 / 2022 / 2023
[ICT-NOV-2022]

Tajuk Tawaran :
The Development, Supply, Delivery, Installation, Testing, Commissioning, Warranty And Maintenance Of The Lifelong Learning Management System (L3MS), For Lifelong Learning Centre For Ministry Of Education, Brunei Darussalam

Bayaran Yuran Tawaran :
BND35.00(Tidak dikembalikan)
[BND30.00 - Bayaran Yuran Tawaran dan BND5.00 - E-Dokumen tidak dikembalikan]

Information Day :
Rabu, 7 Disember 2022

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa, 6 Disember 2022
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 27 Disember 2022
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran :
Flight Calibration for Air Navigation Facilities
ATELS / 2022 / LTK-01

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Tawaran :
Rabu, 16 November 2022

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Isnin, 28 November 2022

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 29 November 2022

---

**PUSAT DA'WAH ISLAMIAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

Bilangan Sebut Harga :
(34) KHEU.PDI 300-001 JILID 26

Tajuk Sebut Harga :
SEBUT HARGA UNTUK MENCETAK SURAT BERITA MUSLIMIN

Bilangan Sebut Harga :
(35) KHEU.PDI 300-001 JILID 26

Tajuk Sebut Harga :
SEBUT HARGA UNTUK MENCETAK MAJALAH AULADUNA

Bilangan Sebut Harga :
(36) KHEU.PDI 300-001 JILID 26

Tajuk Sebut Harga :
SEBUT HARGA UNTUK MENCETAK MAJALAH AL-HUDA

Bayaran Sebut Harga :BND5.00

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu, 14 Disember 2022,
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN KAJICUACA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Negara Brunei Darussalam

TAWARAN BAGI

'The Supply, Delivery, Installation and Testing Of Campbell Stoke Sunshine Recorder (Including Cards) For The Brunei Darussalam Meteorological Department'

Bilangan Tawaran :
JKBD / 2022 / SH-11

Tarikh Tutup :
Rabu,
7 Disember 2022

---

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM

Kelas :
V & VI SAHAJA

Kategori :
KA01 - KOD BAHARU

Bilangan Tawaran :
JKR / DDS 020 / 2022 - (CDE).T.V

Nama Projek :
KONTRAK PENGGAL (2023-2026) PEMELIHARAAN SALIRAN DAN KOLAM BAGI KAWASAN 2 BRUNEI MUARA (SEBELAH BARAT)

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
BND5.00

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa,
13 Disember 2022

Tarikh Tutup :
Selasa,
27 Disember 2022,
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

---

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM

Kelas :
III, IV DAN V SAHAJA

Kategori :
KA01 & M03 SAHAJA - KOD BAHARU

Bilangan Tawaran :
JKR / DDS 019 / 2022 - (SEW).T.IV

Nama Projek :
KONTRAK BERMUSIM TIGA (3) TAHUN 'INTEGRATED' BAGI KERJA-KERJA OPERASI DAN PEMELIHARAAN SISTEM PEMBETUNGAN DI TADAHAN TUTONG

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
BND5.00

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa,
13 Disember 2022

Tarikh Tutup :
Selasa,
27 Disember 2022,
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

---

**JABATAN BELIA DAN SUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga :
1. (111)JBS / ADM / QC / 2022

Keterangan :
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PERALATAN KELENGKAPAN SUKAN BAGI KOMPLEKS-KOMPLEKS DI BAWAH JABATAN BELIA DAN SUKAN DI KEEMPAT-EMPAT DAERAH

1. NET BOLA SEPAK
2. NET BOLA JARING
3. NET HOKI
4. NET FUTSAL
5. NET BADMINTON
6. NET SEPAK TAKRAW
7. NET BOLA TAMPAR
8. NET BOLA KERANJANG
9. NET TENNIS
10. NET PING PONG
11. TIANG CORNER BOLA SEPAK BERSERTA BENDERA

Bilangan Sebut Harga :
2. (112)JBS / ADM / QC / 2022

Keterangan :
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PASIR LAUT YANG SUDAH BERSIH BAGI KOMPLEKS-KOMPLEKS DI BAWAH JABATAN BELIA DAN SUKAN DI KEEMPAT-EMPAT DAERAH

Bilangan Sebut Harga :
3. (113)JBS / ADM / QC / 2022

Keterangan :
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KERUSI CHROME BERSERTA SARUNG DAN MEJA BULAT SERTA LAPIK BAGI KOMPLEKS-KOMPLEKS DI BAWAH JABATAN BELIA DAN SUKAN

Bilangan Sebut Harga :
4. (114)JBS / ADM / QC / 2022

Keterangan :
SUPPLY AND INSTALL NEW FENCING AT BERAKAS SPORTS COMPLEX, MINISTRY OF CULTURE, YOUTH AND SPORTS

Bilangan Sebut Harga :
5. (115)JBS / ADM / QC / 2022

Keterangan :
SUPPLY, DELIVER AND REPLACE CHLORINATION SYSTEM AT TEMBURONG SWIMMING POOL BATU APOI SPORTS COMPLEX

Bilangan Sebut Harga :
6. (116)JBS / ADM / QC / 2022

Keterangan :
REWINDING AND SERVICING EXISTING MOTOR FOR HIGH MAST FLOODLIGHT AT AQUATIC CENTRE BUILDING TUTONG SPORTS COMPLEX, MINISTRY OF CULTURE, YOUTH AND SPORTS

Yuran Tawaran :
BND10.00

Tarikh Tutup :
Khamis, 8 Disember 2022

---

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

MAKLUMAN TARIKH LANJUTAN

Bilangan Sebut Harga :
01 / 2022 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
The Supply And Delivery Of Colour Laserjet A3 Printer For Department Of Town And Country Planning, Ministry Of Development

Bilangan Sebut Harga :
02 / 2022 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
The Supply And Delivery Of GIS 3D Analyst And Arcgis Pro For Department Of Town And Country Planning, Ministry Of Development

Tarikh Tutup :
Selasa, 29 November 2022
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

# IPE 02/2022 PERKUKUH KOMITMEN, KERJASAMA BRUNEI - AUSTRALIA






**PEMERINTAH Angkatan Bersama (AB), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin ketika berucap pada Majlis Penutup IPE 02/2022 dan sesi bergambar ramai (atas dan kanan).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 22 November. - Indo Pacific Endeavor 2022 (IPE 02/2022) merupakan latihan utama ketenteraan diadakan secara tahunan, yang diterajui oleh negara Australia, bertujuan untuk mengukuhkan komitmen dan kerjasama Kerajaan Australia di wilayah Indo-Pasifik.

Kapal Tentera Laut Diraja Australia (TLDA), Frigate HMAS ANZAC, baru-baru ini, memasuki perairan Negara Brunei Darussalam, pada 15 November 2022 dan meneruskan perjalanan ke Republik Indonesia pada 17 November 2022.

Tujuh buah negara di dalam Wilayah Asia Pasifik telah dan akan dikunjungi oleh Kumpulan Tugas (Task Group) ini.

Majlis Pembukaan IPE 02/2022 di antara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Angkatan Pertahanan Australia (ADF), pada 14 November 2022, dipengerusikan bersama oleh Pemangku Timbalan Pemerintah Angkatan Bersama (AB), Markas Angkatan Bersama (MAB), Leftenan Kolonel Aldi bin Haji Hassan; dan Commander Landing Force of the Australian Amphibious Task Group, ADF, Colonel Douglas Pashley.

Demonstrasi dua hala bersama 'Coastal Hook Landing' berlangsung pada 16 November 2022, bagi mempamerkan keupayaan amfibia Australia dan mengembangkan *interoperability* di antara kedua-dua angkatan tentera.

Demonstrasi tersebut dihadiri oleh Pegawai Kanan ABDB dan ADF, termasuk Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Luke Arnold; Panglima IPE 02/2022, Commodore Mal Wise; dan Pemerintah AB, ABDB, Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin.

Turut hadir, Pegawai-pegawai Kanan serta Peserta-peserta dari ABDB dan ADF.

Semasa Majlis Penutup IPE 02/2022, pada 18 November 2022, ucapan penutup disampaikan oleh Pemerintah AB, ABDB, Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi; dan Pemerintah IPE 02/2022, Commodore Mal Wise, di mana kedua-duanya menekankan kepentingan IPE 02/2022, dalam menambah baik hubungan dua hala yang terjalin sejak sekian lama di antara kedua-dua negara dan melahirkan rasa puas hati dengan kejayaan pelaksanaan IPE 02/2022.

Kedua-dua Majlis Pembukaan dan Penutup disempurnakan secara maya, di Bilik Mesyuarat, MAB, ABDB.

Semasa IPE 02/2022, pelbagai eksesais di laut, udara dan darat telah pun dirancang, termasuk beberapa program Subject Matter Expert Exchange (SMEE), seperti Maritime Security Workshop, Women Peace and Security, Religious Interaction dan Aircraft P-8A Information Exchange.

IPE ini adalah latihan yang direka untuk meningkatkan *interoperability*, profesionalisme, kecekapan dan kerjasama kedua-dua angkatan tentera, dalam menangani ancaman-ancaman keselamatan semasa serta masa hadapan, di rantau ini.

# Pamerkan kebolehan, martabatkan kesucian Al-Quran



**SERAMAI lima Pegawai dan Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bertanding di Pertandingan Antarabangsa Menghafaz Al-Quran bagi Tentera Kali Ke-9.**




**SARJAN Izzat bin Hamdan menyertai Kategori 10 Juz Al-Quran; dan Mejar Abdul Mujib bin Haji Japar menyertai Kategori 5 Juz Al-Quran pada Pertandingan Antarabangsa Menghafaz Al-Quran bagi Tentera Kali Ke-9 berkenaan (bawah dan atas).**

**MAKKAH**, Sabtu, 19 November. - Seramai lima Pegawai dan Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bertanding di Pertandingan Antarabangsa Menghafaz Al-Quran bagi Tentera Kali Ke-9, yang berlangsung dari 6 hingga 18 November 2022, di Makkah Al-Mukarramah, Kerajaan Arab Saudi.

Rombongan tersebut diketuai oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim, TLDB.

Anggota-anggota tentera yang terpilih mewakili ABDB ke pertandingan tersebut, Leftenan Muhammad Hidayatullah Sunazul Fikar bin Suip bagi Kategori 30 Juz Al-Quran; Soldadu (U) Muhammad Akid Arif bin Haji Sujono bagi Kategori 20 Juz Al-Quran; Sarjan Izzat bin Hamdan bagi Kategori 10 Juz Al-Quran; Mejar Abdul Mujib bin Haji Japar bagi Kategori 5 Juz Al-Quran; dan Soldadu Muhammad Zainul Arifin bin Haji Haminuddin bagi Kategori Tilawah Al-Quran.

Pertandingan hafazan Al-Quran tersebut dimenangi oleh Kerajaan Arab Saudi bagi Kategori 30, 10 dan 5 Juzuk, bagi Kategori 20 Juzuk dimenangi oleh Kesultanan Oman, manakala Kategori Bacaan Al-Quran dimenangi oleh Kuwait.

Pertandingan tersebut merupakan jemputan khas dari Kerajaan Arab Saudi dan merupakan salah satu platform serta inisiatif untuk mempamerkan kebolehan ABDB, dalam memartabatkan kesucian Al-Quran Al-Karim serta memberikan pendedahan kepada Pegawai-pegawai serta Anggota-anggota ABDB.

Secara tidak langsung, pertandingan itu dipercayai dapat mengangkat nama baik serta profil Negara Brunei Darussalam secara am dan ABDB, khususnya di arena antarabangsa, sekali gus mengukuhkan hubungan pertahanan di antara Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Arab Saudi.



# DEDAHKAN GOLONGAN BELIA DALAMI DUNIA PERNIAGAAN, PEMASARAN



SESI Plenari tersebut dipengerusikan oleh Pengiran Kamal Gahadafi bin Pengiran Haji Suhaimi dari Jabatan Belia dan Sukan.

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Belia dan Sukan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 21 November. - Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan Youth Business Talk 2022 dengan tajuk utamanya, iaitu 'Pemahaman Pemasaran' yang berlangsung selama dua hari bermula 16 hingga 17 November 2022 di Ibu Pejabat Progresif Sdn. Bhd. di Jalan Pasar Baharu Gadong.

Program tersebut telah menjemput beberapa orang pemudah cara dan penceramah dari Jabatan Belia dan Sukan, Progresif Sdn. Bhd., Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Shell LiveWIRE Brunei dan Geek Turf.

Seramai 50 belia dari pelbagai latar belakang telah menyertai program berkenaan, di mana para peserta tersebut menyertai beberapa ceramah dan aktiviti yang disediakan.

Sesi Plenari juga turut diadakan, di mana ahli-ahli panel, terdiri daripada Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah dari BIBD; Dayang Hafiza binti Mohamad dari Progresif Sdn. Bhd. dan Awang Abdul Qawiem bin Haji Yacob dari Shell LiveWIRE Brunei.

Sesi Plenari tersebut telah dipengerusikan oleh Pengiran Kamal Gahadafi bin Pengiran Haji Suhaimi dari Jabatan Belia dan Sukan.

Sementara Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil diadakan pada 17 November 2022.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada peserta ialah Ketua Pegawai Eksekutif, Progresif Sdn. Bhd., Dayang Hajah Nurul Haniah binti Haji Jaafar.

Antara lain tujuan Youth Business Talk 2022 ini diadakan adalah untuk memberikan para peserta penyediaan pengetahuan dan mempelajari lebih lanjut lagi mengenai dunia perniagaan, khususnya di dalam bidang pemasaran, di samping membuahkan minat kepada para peserta untuk membuka perniagaan mereka sendiri.

Program Youth Business Talk telah dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sejak 2016 yang mana antara tajuk perbincangan utamanya adalah mengenai keusahawanan. Program tersebut turut memberikan latihan kepada lebih 1,000 peserta dari pelbagai bidang.

Dengan adanya kerjasama daripada *stakeholder* seperti Progresif Sdn. Bhd. dan agensi-agensi yang terlibat, penganjuran program ini adalah sangat penting dalam sama-sama membangunkan para belia untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan selaras dengan pembangunan negara menuju Wawasan 2035.








ANTARA penceramah pada program berkenaan (kiri dan kanan).

# Penutupan sementara separuh jalan




PENUTUPAN sementara separuh jalan di Jejambat Penanjong dan Jambatan Sungai Kelakas, Lebuhraya Muara-Tutong bagi memberi laluan kerja-kerja penurapan aspal di jambatan berkenaan dapat dilaksanakan.

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 22 November. - Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai dengan penutupan sementara separuh jalan di Jejambat Penanjong dan Jambatan Sungai Kelakas, Lebuhraya Muara-Tutong bagi memberi laluan kerja-kerja penurapan aspal di jambatan berkenaan dapat dilaksanakan.

Kerja-kerja berkenaan akan dilaksanakan pada hari ini, Selasa, 22 November 2022 sehingga Rabu, 30 November 2022, bermula jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang.

Sehubungan itu, pihak jabatan ingin mengingatkan kepada para pengguna jalan raya supaya akan dapat mengambil langkah untuk lebih berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas dan mematuhi had laju yang dibenarkan demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini.

Sebarang aduan, orang ramai boleh menghubungi pihak Jabatan melalui Talian Darussalam 123 / Whatsapp +673 8333123 ataupun menerusi e-mel : *pro@pwd.gov.bn*.

# LAHIRKAN PEMIMPIN BERTAKWA, BERWIBAWA MELALUI SEP

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali




**SERAMAI 13 mahasiswa daripada jurusan Sarjana Muda Sains Halal, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berlepas ke Malaysia, pada Ahad, 20 November, bagi mengikuti Program Pertukaran Pelajar (Student Exchange Programme - SEP).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 22 November. - Seramai 13 mahasiswa daripada jurusan Sarjana Muda Sains Halal, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berlepas ke Malaysia, pada Ahad, 20 November, bagi mengikuti Program Pertukaran Pelajar (Student Exchange Programme - SEP), yang akan berjalan selama enam bulan.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar, Pengarah PPHT, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim berserta pensyarah yang lain.

Seramai lima mahasiswa akan mengikuti Program Bachelor of Halal Quality Assurance di Faculty of Health & Life Sciences, Management and Science University (MSU), Shah Alam.

Manakala, lapan pelajar lagi akan mengikuti pengajian dalam Program Bachelor in Contemporary Islamic Studies di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia (Cawangan Shah Alam).

Sejak penubuhannya, UNISSA sangat bergiat aktif dalam program-program pengantarabangsaan melalui kerjasama penyelidikan, persidangan, seminar dan pertukaran pelajar bersama universiti, di rantau ASEAN juga antarabangsa.

Sehubungan itu, program pertukaran pelajar adalah salah satu usaha di bawah program pengantarabangsaan yang amat memberi manfaat kepada para mahasiswa, dari segi peningkatan pengetahuan, pendedahan serta pengalaman, terutama sekali dalam industri halal.

Program Pertukaran Pelajar ini juga diharap akan menjadi satu platform untuk pelajar menimba ilmu baharu, bahkan berkongsi ilmu pengetahuan dan pandangan bersama mahasiswa luar negara dan secara tidak langsung mempromosikan kepelbagaian budaya yang dimiliki oleh kedua buah negara ini.

Program ini selaras dengan misi UNISSA untuk melahirkan pemimpin yang bertakwa dan berwibawa, yang boleh menyumbang pada pembangunan *ummah* melalui kecemerlangan akademik, penyelidikan dan khidmat masyarakat.

# UNISSA hadiri AUAP Ke-15 : Promosi budaya, kualiti, inovasi pendidikan




**ROMBONGAN Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa menghadiri The 15th General Conference of Association of the Universities of Asia and the Pacific (AUAP), yang diadakan di Dhaka, Bangladesh dan dihoskan oleh Daffodil International University, Bangladesh (DIU).**

**DHAKA, BANGLADESH**, Selasa, 22 November. - Rombongan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menghadiri The 15th General Conference of Association of the Universities of Asia and the Pacific (AUAP), yang diadakan di Dhaka, Bangladesh dan dihoskan oleh Daffodil International University, Bangladesh (DIU).

Rombongan UNISSA, terdiri daripada Penolong Rektor (Penyelidikan, Antarabangsa & Perkhidmatan), Dr. Arman bin Haji Asmad; serta Pengarah Pejabat Perancangan dan Pembangunan Strategik, Dr. Muhamad Alif bin Haji Sismat.

Seramai 60 orang, delegasi daripada 32 buah institusi pengajian tinggi dari seluruh dunia menghadiri persidangan tersebut, yang diadakan selama tiga hari, bermula dari 14 hingga 16 November 2022 lalu.

Persidangan dengan tema, 'Synergy between Information Technology and Quality Education in the 4IR Era' tersebut membincangkan tiga topik utama, iaitu pembelajaran secara dalam talian dan pembelajaran teradun (*blended learning*) menggunakan teknologi terkini, elemen percubaan dan praktikal dalam sistem pendidikan serta pengajaran berasaskan projek.

Dr. Muhammad Alif juga menjadi sebagai salah seorang ahli panel dalam Leader's Panel, bertajuk 'Future of the University', yang membincangkan mengenai pengalaman serta cadangan untuk pembaikan dan kemajuan pengajian tinggi global.

Rombongan UNISSA menghadiri The 15th AUAP General Assembly Meeting; and 52nd AUAP Executive Board Meeting, yang diadakan pada 14 November 2022.

AUAP ditubuhkan pada tahun 1995 serta berperanan aktif sebagai platform bagi institusi pengajian tinggi di wilayah Asia dan Pasifik berinteraksi serta berkolaborasi, dalam mempromosi budaya, kualiti dan inovasi pendidikan.

UNISSA menjadi Ahli AUAP sejak 1 Julai 2016 dan sering menyertai aktiviti, yang dianjurkan oleh AUAP, seperti program kepimpinan pelajar serta pertandingan.

PELITA BRUNEI




# Festival Kiudang menyatupadukan masyarakat proaktif

**Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim**
**Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan MPK Kiudang**

**PELBAGAI** aktiviti telah disusun bagi penyertaan orang ramai dan untuk memeriahkan Festival Kiudang Tahun 2022 yang akan diadakan selama tiga hari bermula 25 November 2022 hingga 27 November 2022 nanti. Festival yang dianjurkan buat kali Ke-2 itu nanti akan diadakan di Kawasan Gerai Muafakat dan Gelanggang Futsal Kampung Kiudang, Daerah Tutong.

Pemangku Ketua Kampung Kiudang dan Pad Nunok, Awang Haji Saifulbahri bin Awang Umarali menjelaskan festival tersebut dianjurkan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kiudang dan Pad Nunok dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan melalui pendekatan senegara. Dengan slogan 'Siok inda beranti', festival kali ini dianjurkan melalui tiga konsep iaitu ekopelancongan, riadah keluarga dan tamu bazar. Jelasnya, hari kemuncak festival ialah pada Ahad, 27 November 2022 dengan kehadiran Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, selaku tetamu kehormat festival.

## Tujuan

Awang Haji Saifulbahri seterusnya menjelaskan antara tujuan festival diadakan adalah untuk memperkenalkan Kampung Kiudang sebagai Destinasi Pelancongan Domestik yang menarik untuk dikunjungi dan dalam masa yang sama membantu merancakkan lagi aktiviti pelancongan di Negara Brunei Darussalam. Selain itu, penganjuran festival seumpama itu juga bertujuan untuk memantapkan kepimpinan MPK dengan penganjuran acara serta memperkukuhkan kerjasama dalam kalangan pemimpin masyarakat dengan pihak-pihak yang berkepentingan.

Di samping itu katanya lagi, festival yang diadakan sejak tahun 2016 itu juga bertujuan untuk membantu meningkatkan sosioekonomi masyarakat dengan penyediaan petak-petak perniagaan untuk aktiviti perniagaan serta dalam masa yang sama mampu menstabilkan ekonomi yang terjejas disebabkan penularan COVID-19 di negara ini serta menyatupadukan masyarakat agar sentiasa proaktif di dalam sama-sama menyumbang kepada memantapkan perpaduan dan keharmonian hidup bermasyarakat.

## Aktiviti

Lebih 20 pengendali acara yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, masyarakat kampung, para sukarelawan dan individu dijangka akan terlibat bagi menjayakan Festival Kiudang Tahun 2022, dengan mengetengahkan aktiviti-aktiviti menarik kepada para pengunjung nanti. Pada hari pertama festival iaitu Jumaat, 25 November 2022, festival yang bermula dari jam 2.30 petang hingga 10.00 malam diisikan dengan Pameran dan Jualan Produk Pelancongan Kiudang, Pakej Travel and Adventure, Pameran Tulisan Jawi, Produk 1K1P selain gerai dan bazar jualan dan lain-lain.

Pada hari kedua pula bermula jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam, festival dimeriahkan dengan beberapa tambahan acara dan aktiviti daripada hari pertama seperti cabaran Amazing Race FK2022, pameran daripada Sekolah Rendah Kiudang, aktiviti memanah, pameran arnab, binatang reptilia dan lain-lain. Orang ramai yang berhasrat untuk mengetahui tahap kesihatan mereka pula berpeluang untuk menjalani pemeriksaan kesihatan secara percuma dari Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

Manakala pada hari kemuncak festival iaitu Ahad, 27 November 2022, Festival Kiudang Tahun 2022 dimulakan dengan aktiviti keagamaan iaitu solat dan Tazkirah Subuh di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel Kiudang, diikuti dengan aktiviti riadah keluarga yang bermula dari jam 7.00 pagi, Riadah Berbasikal sejauh 46 kilometer bermula dari Gerai Muafakat menuju ke Tasek Merimbun. Orang ramai juga berpeluang untuk menyertai aktiviti sihat iaitu senamrobik keluarga bahagia dan jalan santai sejauh dua kilometer.

Tidak kurang menariknya pada hari tersebut ialah acara Kampungku Parade, iaitu perbarisan lalu gabungan para peserta yang terdiri daripada para pengendali Festival Kiudang dan kumpulan-kumpulan kebudayaan dari puak-puak yang berpakaian tradisi. Selain itu acara pada hari terakhir juga akan diselitkan dengan cabaran dan pertandingan untuk seisi keluarga seperti pertandingan memasak, cabaran makan lada dan lain-lain. Pameran-pameran kebudayaan dan warisan juga akan mengambil tempat seperti demonstrasi kuih tradisi dan kesenian tradisional daripada Puak Dusun dan masyarakat Tionghua seperti bengkel gulintangan, seni Opera Cina, sajian ambuyat dan banyak lagi.

Pameran informasi daripada agensi-agensi kerajaan juga bakal memeriahkan Festival Kiudang itu nanti. Antaranya daripada Jabatan Penerangan, Biro Kawalan Narkotik dan Destinasi Pelancongan Tutong.




Untuk gambaran yang lebih jelas orang ramai bolehlah memuat turut jadual dan atur cara Festival Kiudang 2022 di laman sesawang rasmi : *www.tutong.click.*

Kepada orang ramai yang berhasrat untuk berjaja, pihak urusetia telah menyediakan petak-petak perniagaan mengikut kategori yang disediakan. Bagi festival kali ini sistem tempahan petak dikendalikan secara atas talian (*online*). Orang ramai bolehlah melayari laman sesawang yang sama iaitu : *www.tutong.click.*

## Saling menjaga kesihatan bersama

Bagi orang ramai yang ingin berkunjung ke festival tersebut, mereka diharapkan dapat menjaga kesihatan dan saling bertanggungjawab atas kesihatan sendiri, keluarga dan orang ramai. Sentiasa menjaga kebersihan serta tidak mengunjungi tempat tersebut jika kurang sihat dan mempunyai tanda-tanda positif COVID-19.

## Harapan

Orang ramai adalah dialukan untuk sama-sama memeriahkan Festival Kiudang Tahun 2022 itu nanti dan memuat turun lebih awal jadual dan atur cara Festival Kiudang Tahun 2022 di laman sesawang rasmi *www.tutong.click* bagi memudahkan biskita merancang untuk datang bersama seisi keluarga. Selain daripada itu sentiasalah mematuhi segala arahan pihak-pihak berkuasa keselamatan yang bertugas dan bersama-samalah menjaga kebersihan tapak festival dengan membuang sampah di dalam tong-tong sampah yang disediakan. Apa yang diharapkan dengan adanya festival seumpama ini akan memberi impak serta kesan positif ke arah meningkatkan sosioekonomi, kemakmuran dan perpaduan dalam kalangan masyarakat.





# BANTU KESAN LISMIANI

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**SUNGAI LIANG**, Isnin, 21 November. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang pekerja perempuan warganegara Indonesia yang dilaporkan lari daripada majikan.

Pekerja tersebut ialah Lismiani, 29 tahun dengan No. Kad Pengenalan 51-480203 (Hijau).

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi Balai Polis Sungai Liang menerusi talian +673 3230250 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau terus melaporkan ke Balai-balai Polis berdekatan.



**LISMIANI, warganegara Indonesia yang dilaporkan lari daripada majikan.**

# Pekerja lari daripada majikan



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 21 November. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang pekerja perempuan warganegara Indonesia yang dilaporkan lari daripada majikan.

Butir-butir keterangan mengenai pekerja yang dimaksudkan adalah Miati, 37 tahun, dengan No. Pasport C8520882.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi Balai Polis Sengkurong menerusi talian +673 2661334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau terus melaporkan ke Balai-balai Polis berdekatan.

**MIATI, warganegara Indonesia yang dilaporkan lari daripada majikan.**

سوروهنجاي ڤرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

KESALAHAN-KESALAHAN
DI BAWAH
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGGAL 83)

BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapati dengan sengaja memberikan makluman yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan makluman atau sijil-sijil bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

DENDA SEBANYAK
$10,000
DAN PENJARA SELAMA
2 TAHUN



PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN-KENAIKAN PANGKAT)

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.

DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DAN BOLEH DITAMATKAN PERKHIDMATAN DENGAN SERTA-MERTA.






**Imbulan** bermaksud ambulans atau kenderaan yang dilengkapi dengan peralatan perubatan untuk membawa orang sakit atau mangsa kemalangan.
Contoh pemakaian kata : bapanya rabah dimalam, iatah babawa ka sapitar pakai ***imbulan.***

**Maingar** bermaksud membuat bising.
Contoh pemakaian kata : jangan kamu ***maingar***, kasian urang subalah-manyubalah, manatau kan tidur, bari damit sadikit radiu atu.

**Inggan** bermaksud had atau batas atau singgan.
Contoh pemakaian kata : labat ujan dimalam atu, mun udah kadalaman rumah ku, ***inggan*** tuhut.

**Bainggut** bermaksud bergoyang atau bergerak.
Contoh pemakaian kata : ijap ku kan bajalan lalu titian kayu atu, tiangnya ada udah mumut, iatah ***bainggut.***

**SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**




## Kampung Lupak Luas




Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

# Masak Lemak Pisang Muda

**BAHAN-BAHANNYA :**

8 biji pisang muda sabah (buang kulit, potong ikut suka)
2 biji bawang merah
3 ulas bawang putih
5 biji cili padi
Segengam udang kering
1 sudu serbuk kunyit
200ml santan
200ml air
Garam
Gula
Perasa secukupnya

**CARA MEMASAKNYA :**

Masukkan semua bahan ke dalam periuk. Masak hingga pisang lembut dan sedikit pekat.Siap untuk dihidangkan.

فليتا بروني PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS ASEAN AKAN DINAIK TARAF

**JAKARTA**, 22 Nov. - ASEAN dan China telah mengadakan rundingan untuk menaik taraf Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA), lapor Agensi Berita Vietnam.

Bercakap pada Sidang Kemuncak ASEAN-China ke-25 baru-baru ini di Phnom Penh, Kemboja, mengesahkan bahawa usaha itu untuk memastikan ACFTA membantu memperdalam dan meluaskan lagi hubungan ekonomi ASEAN-China serta menyumbang kepada pemulihan ekonomi pascapandemik di rantau ini.

ACFTA ialah perjanjian perdagangan bebas paling lama antara ASEAN dengan rakan dialognya.

Menaik taraf ACFTA menghantar isyarat kepada sektor swasta dan semua pihak berkepentingan bahawa kedua-dua ASEAN dan China komited untuk menjadikan ACFTA lebih relevan kepada perniagaan yang responsif kepada cabaran global.

Ia meliputi bidang kepentingan bersama termasuk ekonomi digital dan hijau, ketersambungan rantaian bekalan, persaingan, perlindungan pengguna dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana.

China ialah rakan perdagangan terbesar ASEAN dan sumber kedua terbesar pelaburan langsung asing (FDI).

ACFTA yang dinaik taraf akan terus menyokong trend dan momentum yang positif, menurut Sekretariat ASEAN.

Sementara itu, pemimpin Kemboja - Pengerusi ASEAN 2022, Brunei - penyelaras negara bagi Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-New Zealand (AANZFTA), Australia dan New Zealand telah mengumumkan hasil rundingan untuk memperkasa AANZFTA.

Perdagangan antara ASEAN, Australia dan New Zealand kekal teguh walaupun terdapat kesan global pandemik COVID-19 dan ketegangan geopolitik.

Langkah itu juga bertujuan untuk mengekalkan standardnya yang tinggi, menjadikan ia kekal relevan untuk perniagaan, membolehkannya menyumbang secara berkesan kepada usaha pemulihan ekonomi pascapandemik dan bertindak balas dengan cekap kepada cabaran global dan serantau. - ©BERNAMA

# Korea Selatan, AS sepakat wujudkan laluan hijau kapal kargo Busan

**SEOUL**, 22 Nov.- Korea Selatan dan Amerika Syarikat (AS) bersetuju mewujudkan laluan hijau kapal kargo yang menghubungkan pelabuhan Busan Korea Selatan dengan pelabuhan Tacoma AS.

Menurut Kementerian Laut dan Perikanan pada Selasa kesepakatan itu antara lain bertujuan untuk mencapai neutraliti karbon maritim.

Perjanjian itu ditandatangani duta iklim Seoul Na Kyung-won dan utusan iklim AS John Kerry awal bulan ini di luar Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2022 atau COP27 yang diadakan di Mesir, lapor Yonhap.

Pada tahun ini juga kemungkinan Seoul dan Washington akan melancarkan kajian mengenai laluan Busan-Tacoma dengan perkhidmatan kapal sifar bahan buangan selaras dengan inisiatif global untuk menyahkarbon industri perkapalan menjelang 2050.

Korea Selatan juga menandatangani memorandum persefahaman dengan Institut Pertumbuhan Hijau Global untuk bersama-sama menggalakkan pelbagai projek ke arah pelaksanaan matlamat pengurangan bahan buangan. - ©BERNAMA

# Pameran foto antarabangsa "Traditions of Islam in Russia" bermula di IAMM pada Rabu

**KUALA LUMPUR**, 22 Nov. - Pameran foto antarabangsa 'Tradition of Islam in Russia' yang mempamerkan khazanah sejarah dan budaya umat Islam di Rusia bakal diadakan di Muzium Kesenian Islam Malaysia (IAMM) bermula Rabu.

Anjuran Kedutaan Rusia di Kuala Lumpur, pameran itu bersempena tarikh penting bagi umat Islam Rusia iaitu ulang tahun ke-1100 penerimaan Islam oleh penduduk Volga Bulgaria yang disambut pada tahun ini.

"Pameran itu projek antarabangsa khas yang membuka pintu kepada sejarah Rusia yang berabad-abad lamanya dan menyatukan masyarakat serta mendedahkan jiwa Rusia selain memperkenalkan warisan budaya dan kekayaan sejarah umat Islam Rusia," menurut kenyataan kedutaan itu.

Pameran akan berlangsung sehingga 31 Dis.

Lebih 150 pameran yang dibahagikan kepada lapan bahagian, setiap satu mewakili satu Daerah Persekutuan Rusia.

Satu daripada bahagian paling penting menumpukan kepada hubungan Rusia-Malaysia, peristiwa penting, pencapaian bersama, dialog dan hubungan rapat antara kedua-dua negara di peringkat negara dan agama serta sosial.

Selain itu, pameran berkenaan turut menampilkan foto masjid-masjid yang tersergam indah di negara itu, hari cuti keagamaan dan kebangsaan, kreativiti, pakaian tradisional dan hidangan masyarakat Islam Rusia.

Sebelum ini, pameran itu pernah diadakan di Brunei, Indonesia dan Arab Saudi. - ©BERNAMA

# Amerika Syarikat : Pengembara berdepan isu tambang mahal, kesukaran tempah penerbangan

**WASHINGTON**, 21 Nov. - Pengembara di Amerika Syarikat (AS) dilaporkan berdepan dengan isu tambang lebih tinggi, lapangan terbang lebih sibuk dan kesukaran untuk menempah penerbangan berikutan kekurangan petugas.

Persatuan Syarikat Penerbangan Serantau melaporkan penurunan dalam perkhidmatan di 76 peratus lapangan terbang AS, melibatkan kekurangan juruterbang selain isu rundingan yang terhenti antara kesatuan dan syarikat penerbangan, menurut United Press International (UPI).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif persatuan itu Faye Malarkey Black berkata kemerosotan dalam perkhidmatan mula melanda sejak 2019.

"Kami kini mempunyai lebih 500 pesawat serantau dan tiada juruterbang untuk menerbangkannya dan penarikan balik perkhidmatan udara di 324 komuniti.

"Sebanyak 14 lapangan terbang telah kehilangan semua perkhidmatan udara komersial yang dijadualkan dan jumlahnya terus meningkat," kata beliau.

Harga purata tiket pergi dan balik domestik ialah kira-kira US$350 untuk Thanksgiving dan US$463 untuk Krismas.

Menurut Biro Statistik Buruh, tambang meningkat 43 peratus pada Oktober berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Lapangan terbang serantau komuniti kecil mungkin berada di kedudukan bahaya. Kira-kira 60 lapangan terbang kecil kehilangan sekurang-kurangnya separuh daripada perkhidmatan mereka. Beliau berkata sektor industri ini berada di ambang keruntuhan," katanya.

Penumpang yang paling banyak terjejas ialah Orang Kurang Upaya (OKU).

Pengarah Reduced Mobility Rights Roberto Castiglioni berkata kekurangan kakitangan bermakna masa menunggu yang lebih lama.

"Ia pasti menjadi lebih teruk sejak pandemik," katanya.

Kira-kira 27 juta OKU melakukan perjalanan udara pada 2019, menurut Jabatan Pengangkutan. - ©BERNAMA

# Lebih 300 satelit infrastruktur angkasa lepas China berada di Orbit

**HAIKOU**, 22 Nov. - Lebih 300 satelit infrastruktur angkasa lepas China dalam bidang kini berada di orbit dan beroperasi dengan lancar serta stabil dan jumah itu sekali gus menjadikan negara menduduki tangga kedua di dunia.

Perkara itu didedahkan Bengkel Perkongsian Global mengenai Penerokaan dan Inovasi Angkasa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan China kali kedua yang dianjurkan bersama Jabatan Pentadbiran Angkasa Lepas China (CNSA), kerajaan provinsi Hainan dan Pejabat PBB untuk Urusan Angkasa (UNOOSA) yang dirasmikan di sini, pada Isnin.

China telah membentuk sistem infrastruktur angkasa lepas kebangsaan angkasa-Bumi yang berteraskan teknologi satelit komunikasi, pandu arah dan penderiaan jauh yang turut melakar pencapaian penting dalam bidang terbabit.

Menurut Pengarah Pusat Sistem Pemerhatian Bumi dan Data CNSA, Zhao Jian berkata terdapat 200 satelit China dalam bidang penderiaan jauh sedang mengorbit Bumi sekali gus menjadikan China antara beberapa negara peneraju dalam bidang tersebut di dunia.

"CNSA melancarkan secara rasmi platform perkhidmatan data dan aplikasi penderiaan jauh kebangsaan untuk menggalakkan pembinaan dan penggunaan bersama serta perkongsian sumber data satelit penderiaan jauh," kata Zhao.

Untuk rekod, platform tersebut menghimpunkan sumber data dari lebih 30 buah satelit yang meliputi satelit resolusi tinggi, satelit penyelidikan saintifik aeroangkasa sivil, satelit kerjasama antarabangsa, satelit meteorologi dan satelit lautan.

Turut difahamkan ia juga digunakan untuk berkongsi produk maklumat seluruh negara dalam tempoh sedekad dan sebanyak lebih 10,000 hasil penyelidikan termasuk platform edisi antarabangsa terbuka kepada negara lain.

Menurut Zhao, 70 peratus negara dan wilayah yang terlibat dalam Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI) menghadapi kekurangan dalam bidang sumber data dan amat memerlukan sokongan berkenaan.

"Dengan adanya infrastruktur angkasa lepas China yang moden, data imej di serata dunia dapat diperoleh secara mudah dengan satelit yang mengorbit Bumi.

"Data angkasa lepas itu dapat digunakan untuk membantu pembangunan negara dan wilayah yang terlibat dalam BRI," kata beliau. - ©BERNAMA

# Gempa bumi sederhana gegar tengah Indonesia

**JAKARTA**, 21 Nov. - Gempa bumi berukuran 5.5 pada skala Richter menggegarkan wilayah Nusa Tenggara Timur di tengah Indonesia pada petang Ahad, menurut agensi meteorologi, klimatologi dan geofizik negara itu.

Gempa itu berlaku pada 20:49 waktu tempatan (1349 GMT) dengan pusat gempa berada 51 kilometer (km) tenggara bandar Kupang dengan kedalaman 49 km di bawah dasar laut, lapor Xinhua

Tiada amaran tsunami dikeluarkan. - ©BERNAMA

# MIISA UNITED HARGAI PEMAIN, PENYOKONG




**KELAB Bola Sepak MIISA United bergambar ramai pada Majlis Malam Penghargaan dan Ukhuwah bagi para pemainnya, yang beraksi di Kejohanan Liga Daerah Brunei dan Muara musim 2021/2022.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 21 November. - Kelab Bola Sepak MIISA United mengadakan Majlis Malam Penghargaan dan Ukhuwah bagi para pemainnya yang beraksi di Kejohanan Liga Daerah Brunei Muara musim 2021/2022.

Hadir pada majlis berkenaan, Penasihat Bola Sepak MIISA United, Haji Mohd Noor bin Haji Hamid.

Turut hadir, Presiden Kelab, Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi; Ketua Pengurusan Kelab, Awang Shahri bin Haji Hasim; Pengurus Pasukan, Dr. Haji Supry bin Haji Awang Ladi; dan Ahli Jawatankuasa (AJK) Pengurusan dan para pemain serta penyokong setia seramai 20 orang.

Majlis yang diadakan di Restoran Z'yan Mangrove Resort berkenaan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran.

Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Dr. Haji Supry, diikuti dengan ucapan penghargaan daripada Haji Mohammad Isa dan seterusnya diserikan lagi dengan penyampaian sagu hati kepada para pemain dan penyokong yang terpilih.

**Siaran Akhbar dan Foto : Kelab Bola Sepak MIISA United**

# Piala Dunia : Perlawanan AS bertemu Wales berakhir dengan seri 1 - 1

**DOHA**, 22 Nov. - Pasukan Wales mengikat Amerika Syarikat (AS) dengan keputusan seri 1-1 dalam perlawanan Kumpulan B Piala Dunia FIFA Qatar 2022 di Stadium Ahmed Bin Ali pada Isnin.

AS mendahului 1-0 selepas Tim Weah menjaringkan gol pada minit ke-36 sebelum Wales menerusi pemainnya Gareth Bale menyamakan kedudukan pada minit ke-80.

Terdahulu, England yang juga dalam Kumpulan B menumpaskan Iran 6-2.

England mendahului tiga mata diikuti AS dan Wales masing-masing satu mata dan Iran di tempat keempat, lapor agensi berita Qatar (QNA). - ©BERNAMA

# Ronaldo minta wartawan jangan tanya rakan pasukan mengenai wawancara baru-baru ini

**ISTANBUL**, 22 Nov. - Cristiano Ronaldo meminta wartawan usah bertanya kepada pemain Portugal mengenai temu bual baru-baru ini.

"Saya tidak risau dengan pendapat orang lain. Saya bercakap apabila saya rasa perlu untuk bercakap," kata Ronaldo pada satu sidang akhbar pada Isnin.

Bintang bola sepak itu menjadi tumpuan media susulan wawancara dengan wartawan Britain Piers Morgan. Pada wawancara itu beliau mendakwa pengurus Manchester United Erik ten Hag cuba memaksanya meninggalkan kelab dan pemain itu berasa "dikhianati".

"Tolong, jangan tanya pemain tentang saya -- tanya tentang Piala Dunia," kata penyerang sensasi berusia 37 tahun itu.

Selepas wawancara itu, poster Ronaldo di luar Old Trafford dilaporkan telah diturunkan, lapor Agensi Anadolu.

Pasukan Portugal akan menentang Ghana dalam perlawanan pembukaan Kumpulan H di Stadium 974 di Doha, Qatar pada Khamis.

Ronaldo, pemenang Ballon d'Or lima kali, berada dalam tugasan kedua di Manchester United selepas bermain untuk Real Madrid dan Juventus selama beberapa musim. - ©BERNAMA

# Iran eksport 250 juta tan bahan makanan ke Qatar setiap hari sempena Piala Dunia

**TEHRAN**, 21 Nov. - Iran mengeksport 250 juta tan bahan makanan dan produk pertanian ke Qatar setiap hari semasa kejohanan Piala Dunia FIFA, kata ketua Pertubuhan Promosi Perdagangan (TPO) Iran, Ali-Reza Peyman-Pak.

Beberapa kargo mengandungi produk Iran telah dihantar ke Qatar dan negara jiran di bawah perjanjian antara kedua-dua negara, lapor Agensi Berita Republik Islam (IRNA).

Pelaksanaan perjanjian sedemikian telah disediakan ketika TPO menyertai pameran di Doha, Qatar baru-baru ini.

Sementara itu, promosi perdagangan dengan negara jiran menjadi pendekatan utama kerajaan Iran sekarang, katanya.

Qatar turut menurunkan tarif untuk ahli perniagaan Iran bagi eksport semula (re-exports).

Piala Dunia FIFA Qatar 2022 membuka tirainya pada Ahad dan perlawanan akhir akan berlangsung pada 18 Dis. - ©BERNAMA

# 32 pasukan berentap pada World Cup Fever Futsal 2022

**Oleh : Haniza Abdul Latif**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 21 November. - Sebanyak 32 buah pasukan futsal tempatan akan beraksi bagi memeriahkan Kejohanan World Cup Fever Futsal 2022, yang akan berlangsung di Dewan Tertutup, Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada Ahad, 27 November nanti.

Kejohanan berkenaan merupakan salah satu usaha untuk sama-sama merancakkan lagi demam Piala Dunia yang sedang berlangsung di Qatar bermula 20 November hingga 18 Disember 2022.

Kejohanan berkenaan dianggap unik dengan menyaksikan setiap pasukan berpeluang untuk memilih mana-mana pasukan daripada 32 buah negara yang beraksi di peringkat akhir Piala Dunia Qatar 2022 sebagai pilihan nama pasukan masing-masing tanpa mengetahui identiti sebenar pasukan yang akan bermain di kumpulan berkenaan.

Pihak penganjur akan membahagikan sebanyak lapan kumpulan sama seperti Kejohanan Piala Dunia 2022 dengan empat buah pasukan berada setiap kumpulan untuk beraksi secara liga dalam kumpulan dan dua pasukan terbaik dalam setiap kumpulan akan mara ke pusingan kedua seterusnya.

Kumpulan 'A' akan menyaksikan pasukan-pasukan Cameroon, Senegal, Croatia dan Jepun; Kumpulan 'B' terdiri dari Wales, Morocco, Poland dan Kanada; Kumpulan 'C' - Mexico, Sepanyol, Australia dan Switzerland; Kumpulan 'D' pula terdiri dari United States of America (USA), Qatar, Costa Rica dan Serbia; Kumpulan 'E' terdiri dari Argentina, Korea Selatan, Belanda dan Uruguay; Kumpulan 'F' pula terdiri dari England, Tunisia, Ecuador dan Denmark; dan Kumpulan 'G' akan menghimpunkan pasukan German, Belgium, Brazil dan Iran.

Kejohanan yang mendapat sambutan yang memberangsangkan tersebut akan menyediakan hadiah wang tunai dan bola futsal kepada pasukan juara, naib juara dan dua pasukan tempat ketiga juga akan menerima hadiah masing-masing.

Kejohanan berkenaan juga disasarkan kepada para penggemar futsal tempatan untuk menampilkan aksi dan potensi mereka di samping sebagai siri latihan kelab masing-masing sebelum menyertai kejohanan futsal peringkat kebangsaan musim depan.

Kejohanan menarik berkenaan dianjurkan oleh Kasuka Ar Rawda Sport Event Management.



PELITA BRUNEI




# KONTINJEN NEGARA BERTOLAK MENYERTAI 1ST SEA DEAF GAMES 2022

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**



**SETIAUSAHA Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada kontinjen negara yang bertolak ke Kuala Lumpur, Malaysia bagi menyertai 1st SEA Deaf Games 2022 bermula 21 hingga 27 November 2022 ini.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 21 November. - Seramai 13 orang yang terdiri daripada enam atlet dan tujuh pegawai termasuk Chef de Mission, Ketua Urus Setia, Pegawai Urus Setia (Jurubahasa), Pegawai Perhubungan, Jurulatih dan Kakitangan Perubatan bertolak ke Kuala Lumpur, Malaysia bagi menyertai 1st SEA Deaf Games 2022 bermula 21 hingga 27 November 2022 ini.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar dan seterusnya memberikan kata-kata nasihat kepada kontinjen negara ialah Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Kontinjen negara diketuai oleh Awang Khairul Anwar bin Haji Jofari selaku Chef de Mission Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke 1st SEA Deaf Games 2022, Kuala Lumpur, Malaysia.

Sebanyak dua acara sukan akan dipertandingkan iaitu Olahraga dan Tenpin Boling.

Temasya SEA Deaf Games ini dikhaskan untuk warga orang kurang pendengaran rantau ASEAN dan ini adalah program sukan yang pertama kali dianjurkan dan masih baharu di peringkat ASEAN. Malaysia dipilih menjadi tuan rumah Edisi Pertama SEA Deaf Games anjuran Persatuan Sukan Orang Pekak Malaysia (MSDeaf) dengan kerjasama Persekutuan Sukan Pekak ASEAN (ADSF) dan akan mempertandingkan empat jenis sukan iaitu Futsal, Olahraga, Tenpin Boling dan Badminton.

Dalam temu bual bersama Pegawai Urus Setia selaku Jurubahasa, Dayang Hajah Norbayah binti Haji Shahminan berkata, temasya SEA Deaf Games ini adalah kali pertama diadakan pada peringkat ASEAN.

Menurutnya, atlet-atlet telah diberikan latihan yang amat mencukupi untuk temasya nanti. Atlet Pekak Brunei Darussalam ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, KKBS dan Persatuan Sukan Orang Pekak kerana memberikan kepercayaan untuk menyertai Pertandingan SEA Deaf ini.

"Kami selaku pegawai dan atlet ingin berusaha untuk mendapat pingat dan lebih bersemangat untuk mengharumkan lagi nama Negara Brunei Darussalam. Ini adalah kali pertama atlet mengikuti secara formal dan berkontinjen. Saya berharap agar atlet ini akan berusaha dan bersemangat untuk berjaya dan kami juga akan menjaga nama negara kerana pertama kali menyertai SEA Deaf ini," jelasnya.

# 1st BDSG: Cungkil bakat pelajar bagi wakili MS SSBD




**SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan pembukaan pada Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam Ke-1 (1st Brunei Darussalam Schools Games - 1st BDSG).**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 21 November. - Sebanyak enam kontinjen terdiri daripada Kluster 1 hingga Kluster 6 menyertai empat acara sukan pada Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam Ke-1 (1st Brunei Darussalam Schools Games - 1st BDSG).

Sehubungan itu, acara pembukaan rasmi 1st BDSG berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan pembukaan kejohanan berkenaan, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Acara pembukaan dimulakan dengan perbarisan lalu pembawa bendera kluster-kluster, diikuti dengan persembahan koir lagu tema 1st BDSG daripada para pelajar Sekolah Menengah Berakas.

Acara diteruskan lagi dengan bacaan Ikrar Sukan yang diketuai oleh pelajar dari Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Kluster 2, Awangku Abd. Rahim At-Tarmidzi bin Pengiran Haji Mohammad Yusof, dengan diiringi oleh para wakil daripada setiap kluster.

Selesai pembacaan ikrar, tetamu kehormat majlis diperkenalkan kepada Ketua-ketua Kontinjen dan seterusnya menyaksikan perlawanan badminton.

1st BDSG berkenaan dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum dan pertandingan tersebut yang buat julung kalinya diadakan selama 10 hari bermula 19 hingga 28 November 2022.

Kejohanan berkenaan disertai oleh para pelajar yang berumur 18 tahun ke bawah pada tahun 2022 dan sedang menuntut di Tahun 7 hingga Tahun 13 di sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab, Pusat Tingkatan Enam kerajaan dan swasta di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Empat acara sukan yang dipertandingkan ialah Renang, Badminton, Sepak Takraw dan Olahraga.

Antara matlamat kejohanan berkenaan ialah untuk mengenal pasti para pelajar berumur 18 tahun ke bawah yang berpotensi dan berbakat bagi mewakili Majlis Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) ke kejohanan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa serta sebagai persediaan kepada penyertaan kejohanan anjuran Asian Schools Sports Federation (ASSF) dan ASEAN Schools Sports Council (ASSC).

Turut hadir pada acara pembukaan berkenaan ialah para pegawai dari Kementerian Pendidikan, KHEU dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.